

## PENUBUHAN DAN PERGERAKAN POLITIK MELAYU NEGERI KEDAH 1945—1955\*

Oleh  
AZMI BIN SAAD

KESEDARAN bangsa Melayu di bidang politik bukanlah satu perkara baru, malah sudah tersemai sebelum Perang Dunia Kedua lagi.<sup>1</sup> Tetapi dahulunya terdapat beberapa perkara yang menghalang kecerdasan kegiatan berpolitik di kalangan bangsa Melayu. Menurut SUARA SABERKAS;

“Politik dipandang oleh kebanyakan orang-orang Melayu sebagai perkataan haram atau menyalahi kerajaan semata-mata.”<sup>2</sup>

Keadaan ini ternyata sekali di Negeri Kedah, antara golongan yang menganggap politik itu sebagai perkataan “haram” terdiri dari golongan raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu sendiri, hingga mereka memandang rendah dan benci kepada orang-orang atau parti-parti politik.<sup>3</sup> Ada pula yang menganggap parti-parti politik itu sebagai “parti komunis” yang bertujuan jahat semata-mata.<sup>4</sup> Ini mempengaruhi rakyat jelata, sehingga rakyat juga turut takut mendengar nama, apa lagi mencampuri aktiviti politik.

Sungguhpun begitu, keadaan tersebut tidak dapat dibendung, kerana semangat kebangsaan orang-orang Melayu Kedah semakin meninggi, terutama selepas Jepun menyerah kalah pada bulan Ogos 1945. Kesedaran yang tinggi ini juga menyebabkan tertubuhnya Pertubuhan Kebajikan Buruh-Buruh Kerja Paksa,<sup>5</sup> yang ditubuhkan oleh Tengku Abdul Rahman dan beliau sendiri sebagai Yang Dipertua, manakala Mohammad Khir Johari sebagai Setiausaha, telah merancang hendak mengadakan

---

\*Makalah ini adalah merupakan Bab II dari Latihan Ilmiah yang dikemukakan kepada Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, sesi 1978/79, bertajuk, ‘Negeri Kedah, 1945—1957: Suatu kajian Pergerakan Politik Orang-orang Melayu’. Makalah ini telah disesuaikan untuk diterbitkan disini — pengarang.

<sup>1</sup> Azmi bin Saad, Negeri Kedah, 1945—1957: Suatu Kajian Pergerakan Politik Orang-Orang Melayu, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Kepujian, Jabatan Sejarah, UKM, Bangi, 1978/79 lihat bab I h. 10—17.

<sup>2</sup> SUARA SABERKAS, Tahun 1, Bil. 4, April, 1946, hal. 3.

<sup>3</sup> *Ibid.*, hal. 3.

<sup>4</sup> *Ibid.*, hal. 3.

<sup>5</sup> Pertubuhan ini dibentuk atas kesedaran Tengku melihat buruh-buruh paksa dari Siam-Burma yang berjaya melarikan diri itu terbiar, tidak sesiapa yang sanggup membela nasib mereka. Oleh yang demikian selepas menubuhkannya, Tengku telah mendapatkan sebuah rumah untuk merawat mangsa buruh paksa itu. Lihat Abdul Aziz bin Ishak, *Riwayat Hidup Tengku Abdul Rahman Putera*, Art, Kuala Lumpur, 1955, hal. 66—67.

perundingan dengan Jepun supaya ketika menyerah diri kepada pihak Berikat nanti, hendaklah menyerahkan kuasa Negeri Kedah kepada pertubuhan tersebut.<sup>6</sup>

Maksud tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana Pertubuhan Kebajikan Buruh-Buruh Kerja Paksa itu bukan sebuah organisasi politik. Lebih-lebih lagi anggota-anggotanya bukan terdiri dari rakyat Kedah sahaja, sebaliknya untuk buruh-buruh paksa yang lari dari Siam-Burma.<sup>7</sup> Begitu juga dari segi kepimpinan, hanya terdapat dua orang sahaja tokoh politik, iaitu Tengku Abdul Rahman dan Mohammad Khir Johari.<sup>8</sup> Malahan dasar perjuangannya juga tidak pernah menekankan aspek politik. Lebih banyak ditumpukan kepada kebajikan dan mengadakan pertunjukan-pertunjukan pentas seperti bangsawan untuk mendapatkan wang bagi membiayai rumah rawatan tersebut.

Kepuncakan kegiatan politik di Kedah dapat dilihat dalam konteks beberapa peristiwa yang berlaku serta juga perkembangan politik dari dua aspek. Pertama aspek pergolakan masyarakat, bahawa masyarakat di Negeri Kedah, malah di Tanah Melayu ketika itu sudahpun memperlihatkan corak masyarakat majmuk atau 'plural society'.<sup>9</sup> Bangsa Melayu sedang menghadapi bencana proses yang menjadikan mereka sebagai kaum atau komuniti<sup>10</sup> yang mempunyai hak dan taraf sama dengan kaum pendatang. Aspek kedua ialah jentera Kolonial British yang makin meluas dan percubaan untuk menguasai secara yang lebih efektif di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

Aspek pertama menampakkan bagaimana British meneruskan polisi-polisi yang boleh mengekalkan kerajaan kolonial serta mengurangkan tentangan dari peribumi. Sebab itulah setengah-setengah dari polisi itu dianggap pro-Melayu.<sup>11</sup> Dalam waktu yang serentak British tetap meneruskan polisinya supaya masyarakat majmuk dapat diwujudkan seberapa yang boleh. Ini bertujuan supaya mereka dapat mengekalkan *status-quo* mereka di Tanah Melayu. Polisi ini dijalankan baik sebelum Perang Pasifik, mahupun selepasnya. Akibat dari ini juga menimbulkan kesedaran

---

<sup>6</sup> Abdul Aziz bin Ishak, *loc. cit.*

<sup>7</sup> Tidak ada anggota yang tetap bagi pertubuhan ini, kecuali beberapa orang yang menjadi pelopornya sahaja. Manakala buruh-buruh yang menjadi penghuni rumah rawatan itu terdiri dari mereka yang berasal dari Perlis, Kelantan, Trengganu dan Kedah sendiri. Salah seorangnya dari Kelantan bernama Abu Bakar. *Ibid.*, hal. 67-70.

<sup>8</sup> Sekiranya pertubuhan ini sebagai pertubuhan politik, tentu sahaja Senu Abdul Rahman, Haji Husain Che Dol, Haji Rejab Darus dan lain-lain turut serta, kerana mereka juga adalah pengasas SABERKAS dan KMK. Menurut Senu, SABERKASlah yang membawa Tengku dalam kenchak politik di peringkat awal, walaupun akhirnya Tengku keluar dari SABERKAS dan memberi sokongan kepada KMK. Senu Abdul Rahman, 4.1.1979.

<sup>9</sup> Mahadzir Mohd. Khir, 'Puncak Perjuangan Politik Bangsa Melayu 1946-1948: Satu Aspek Semangat Perjuangan Bangsa Melayu', kertas kerja yang dibentangkan di Universiti Malaya pada bulan September, 1978. hal. 4.

<sup>10</sup> K.J. Ratnam, *Faham Perkauman Dan Proses Politik Di Malaya*, Universiti Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969 hal. 47. Lihat juga Mahadzir Mohd. Khir, *op. cit.*, hal. 45.

<sup>11</sup> Ratnam, *op. cit.*, hal. 44.

segera bangsa Melayu menubuhkan badan-badan pergerakan politik. Misalnya tahun 1935 ujud persatuan Melayu Selangor.<sup>12</sup> Manakala di Negeri-Negeri Selat ujud cawangan dari Kesatuan Melayu Singapura, seperti Kesatuan Melayu Melaka, Kesatuan Melayu Pulau Pinang.<sup>13</sup>

Pergolakan tersebut telah mempengaruhi kegiatan politik di Negeri Kedah. Lebih-lebih lagi apabila berlakunya penyerahan kuasa oleh Jepun kepada Siam dalam tahun 1943. Suasana begini telah menyebabkan timbulnya kesedaran yang cepat di kalangan pemuda-pemuda Kedah, seperti Senu Abdul Rahman, Mohammad Khir Johari, Ahmad Noordin dan Wan Din yang mengambil keputusan menubuhkan sebuah badan, iaitu SABERKAS.<sup>14</sup>

Selanjutnya suasana di Kedah semakin menampakkan kematangan dalam pergerakan politik. Ini tercetus sesudah Jepun menyerah kalah dan kaum China dari kumpulan Bintang Tiga telah cuba mengambil alih kuasa politik yang 'kosong' ketika itu.

#### Pergolakan Politik Ketika Bintang Tiga

Sepanjang pemerintahan Jepun, termasuk di Negeri Kedah, kaum China telah menjadi mangsa kepada Jepun. Kekejaman ini menyebabkan ramai orang-orang China lari ke dalam hutan dan mereka mengadakan persiapan untuk menentang Jepun. Di Negeri Kedah kumpulan MPAJA ini telah mengistiharkan bahawa mereka akan keluar dan menjalankan tindakan pembalasan dendam. Mereka akan keluar dari hutan dan menduduki bandar dan pekan di Negeri Kedah sebaik-baik sahaja Jepun menyerah kalah.<sup>15</sup>

Oleh yang demikian, apabila Jepun menyerah kalah pada 14.8.1945, dan pihak Inggeris hanya baharu mengambil alih kuasa di Tanah Melayu pada 5.9.1945,<sup>16</sup> maka dalam "waktu kekosongan" itu MPAJA telah tidak membuang masa;

"Gerila MPAJA tersebut kurang disiplinnya, kerana sebelum tentera Inggeris mendarat di Malaya . . . terjadilah kekosongan kekuasaan pentadbiran . . . banyak kaum gerila yang keluar dari hutan dan mencuba menjadi

---

<sup>12</sup>Mohd. Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Semenanjung*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1961, hal. 3-5. Pergerakan ini muncul apabila 13 orang cerdek pandai Melayu telah membuat satu perjumpaan di Rumah Persekutuan, Sultan Sulaiman Club, Kuala Lumpur. Antara yang dipilih memimpinnya ialah Tengku Ismail dilantik sebagai Yang Dipertua, Raja Bon Raja Yahya sebagai Naib YDP dan Setiausahanya ialah Ramli bin Haji Tahir.

<sup>13</sup>Semua kesatuan-kesatuan, termasuk di Negeri Selat telah bersetuju berganding-bahu dan mereka telah berjaya mengadakan Kongres bersama iaitu tahun 1937 diadakan di Kuala Lumpur dan Kongres keempat pada tahun 1940 diadakan di Singapura. *Ibid.*, hal. 5-6.

<sup>14</sup>Lihat Azmi bin Saad, *op. cit.*, hal. 10-17.

<sup>15</sup>Abdul Aziz bin Ishak, *op. cit.*, hal. 69.

<sup>16</sup>Drs. Li Chuan Siu, *Ikhtisar Sejarah Pergerakan Dan Kesusasteraan Melayu Moden 1945-1946*, Perpustakaan Antara, Kuala Lumpur, 1967 hal. 68.

tuan besar di beberapa tempat, di antara mereka ada yang bertindak se-wenang-wenang menangkap orang-orang yang dianggap pernah menyokong Jepun . . . ada yang dianggap bersalah besar dibunuh oleh mereka."<sup>17</sup>

Tindakan golongan Bintang Tiga yang diarah oleh Parti Komunis Malaya itu menggelisahkan penduduk Melayu di Negeri Kedah. Lebih-lebih lagi sememangnya di masa pemerintahan Jepun, pemimpin-pemimpin SABERKAS seperti Senu Abdul Rahman, Tengku Abdul Rahman, Mohammad Khir Johari dan lain-lain bekerjasama rapat dengan Jepun. Oleh yang demikian, tindakan Bintang Tiga ini satu keadaan yang memungkinkan berlakunya trajidis kaum di Kedah.<sup>18</sup>

Mereka telah mengambil kesempatan dari kekosongan selama dua minggu itu dengan mengadakan gerakan di beberapa tempat. Di bandar Alor Setar, anggota-anggota Dewan Perniagaan China yang telah dipengaruhi oleh Bintang Tiga cuba menawan balai polis Alor Setar. Mereka juga cuba untuk menguasai Balai Besar, iaitu tempat dimana Mesyuarat Dewan Negeri dan upacara adat-istiadat Diraja dijalankan.<sup>19</sup> Anggota-anggota Dewan Perniagaan China walaubagaimanapun, telah gagal untuk menawan balai polis dan mengistiharkan kekuasaan mereka.<sup>20</sup> Ini disebabkan tindakan yang segera dari orang-orang Melayu, terutama peniaga-peniaga dari Pekan Rabu. Menurut Senu Abdul Rahman;

"Pemuda-pemuda SABERKAS telah mengambil tindakan segera melindungi balai polis Alor Setar dari diambil alih oleh Bintang Tiga itu".<sup>21</sup>

Bintang Tiga ini juga gagal mengambil alih balai polis Alor Janggus. Semuanya itu disebabkan pemuda-pemuda Melayu telah mengambil tindakan cepat berjaga dan mengawal setiap tempat penting. Boleh dikatakan semua pemimpin-pemimpin Melayu di Kedah termasuk Haji Husain Che Dol, Senu, Mohammad Khir Johari, Tengku Abdul Rahman dan lain-lain telah bersatu tenaga mengetuai orang-orang Melayu bagi menghadapi ancaman tersebut.

Keadaan yang lebih hebat berlaku di Bukit Janun dan Guar Chempedak. Orang-orang China dari kumpulan Bintang Tiga telah bertindak lebih kejam. Mereka telah membunuh dan memusnahkan rumah orang-orang Melayu.<sup>22</sup> Oleh yang demikian,

<sup>17</sup> Li, *Loc. cit.*, "SABERKAS 1943-1953 : Tinjauan Peranan dan Perjuangannya.

<sup>18</sup> Abu Hassan Saidin, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Kepujian, Jabatan Sejarah, UKM, Kuala Lumpur, 1974, hal. 44-46.

<sup>19</sup> Haji Ismail Saleh, Temubual pada 12.9.1978.

<sup>20</sup> Abu Hassan Saidin *op. cit.*, hal. 45. Lihat juga *UTUSAN MELAYU*, 20.8.1974.

<sup>21</sup> Senu Abdul Rahman, 4.1.1979. Menurut beliau kebanyakan tempat di kawasan bandar Alor Setar dikawal oleh pemuda-pemuda SABERKAS. Walaubagaimanapun, Haji Ismail Saleh yang mengesahkan hal ini menambah bahawa peniaga-peniaga Melayu yang bertempat di Pekan Rabu juga memainkan peranan penting, malah mereka inilah yang juga menjadi tulang belakang kepada penentangan terhadap Malayan Union pada tahun 1946.

<sup>22</sup> Haji Ismail Saleh, Temubual pada 12.9.1978.

Haji Husain Che Dol yang kemudiannya sebagai Yang Dipertua KMK, telah mengetuai orang-orang Melayu untuk menentang kekejaman itu.<sup>23</sup> Manakala di Kodiang, suatu keadaan yang berbeda pula berlaku. Pemuda-pemuda China dari Kodiang telah sama-sama bersatu dengan MPAJA dan mereka telah menubuhkan sebuah "Mahkamah Keadilan" untuk membicarakan orang-orang Melayu yang bekerjasama dengan Jepun.<sup>24</sup>

Walaupun bagaimanapun, keseluruhan tindakan Bintang Tiga itu tidaklah berjaya, kerana di bandar Alor Setar mereka tidak langsung berjaya menapakkan kekuasaan mereka. Menurut Ismail Saleh; Bintang Tiga tidak menguasai seluruh Kedah, mereka hanya dapat menguasai beberapa tempat seperti di daerah Padang Pusing, dan Padang Kerbau di daerah Pendang.<sup>25</sup>

Keseluruhannya keresahan kaum yang hampir-hampir mencetuskan pergaduhan yang besar di Kedah dapat dikawal oleh perpaduan beberapa tenaga penggerak bangsa Melayu. Pertamanya peranan yang dimainkan oleh SABERKAS. Kedua, kerjasama yang diberi oleh golongan agama, terutama yang dipimpin oleh Haji Husain Che Dol. Akhirnya peranan yang diberi oleh peniaga-peniaga Melayu Pekan Rabu yang letaknya di tengah-tengah bandar Alor Setar itu merupakan tenaga penggerak terpenting dalam mengawalkan pergaduhan tersebut.<sup>26</sup>

#### Kemunculan Pertubuhan-Pertubuhan Politik

Sungguhpun suasana aman telah dapat diwujudkan dalam masa dua minggu sebelum kedatangan tentera Inggeris, dan selanjutnya pentadbiran BMA yang akhirnya diubah kepada Pentadbiran Awam. Tetapi akibat dari peristiwa itu, ditambah pula dengan sikap British yang cuba menguatkan kuasa kolonialnya dengan memperkenalkan Malayan Union menjadikan;

"... orang-orang Melayu sedar dan insaf akan nasibnya dan sedar kepada wajib dan mustahak mempunyai satu badan politik yang besar dan memberi pelajaran kepada mereka, percaya kepada diri sendiri dan percaya kepada faedah bersatu padu".<sup>27</sup>

Memandang keadaan tersebut, SABERKAS telah mengambil langkah mementingkan politik. Perubahan dan pendirian baru ini masih dalam cadangan untuk menukarkan dasarnya dari sebuah Syarikat Bekerjasama kepada pertubuhan atau pergerakan politik.

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> Ahmad bin Md. Saman, "Persatuan Guru-Guru Kedah: Pergerakan dan Perjuangannya, 1946-1958" Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977/78, hal. 64-65.

<sup>25</sup> Haji Ismail Saleh, Temubual pada 12.9.1978.

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> *SUARA SABERKAS, op. cit.*, hal. 4.

Sungguhpun perubahan ini muncul selepas Inggeris kembali berkuasa di Negeri Kedah, tetapi tidak diragui, sejak mula ditubuhkan dalam tahun 1943,<sup>28</sup> SABERKAS telahpun bergiat dalam politik. Semuanya ini dilakukan secara bersembunyi kerana masa itu pendaftaran SABERKAS masih belum diluluskan lagi oleh Jepun. Hanya pada 21.7.1945 SABERKAS diluluskan pendaftarannya oleh Jepun dan Siam sebagai sebuah Syarikat Bekerjasama.<sup>29</sup>

Secara rasmi perubahan SABERKAS sebagai badan politik diputuskan dalam Mesyuarat Agung yang berlangsung di Alor Setar pada 19.6.1946, iaitu keputusannya berbunyi;

“Mengambil keputusan dan persetujuan mengubah SABERKAS dari Syarikat kepada PERSATUAN SABERKAS”<sup>30</sup>

<sup>28</sup>Tarikh penubuhan SABERKAS ini masih menjadi persoalan kepada penyelidik-penyelidik sejarah. Mengikut tokoh-tokoh SABERKAS seperti Azahari Taib, Senu Abdul Rahman, Mohammad Khir Johari dan beberapa orang lagi SABERKAS ditubuhkan semasa Kedah ditadbir oleh Siam, iaitu tahun 1943. Tetapi R.K. Vasil menyatakan bahawa SABERKAS ditubuhkan pada akhir pendudukan Jepun. Ini bermakna antara Januari – Ogos, 1945. Manakala D.E. Moore pula menulis;

“Khir and Tengku had been intimate political association from the early days of SABERKAS in 1944 and had worked closely together during World War II.”

Walaubagaimanapun, yang lebih jelas pendapat R.K. Vasil itu bertepatan dengan kedudukan SABERKAS jangkawaktu tersebut yang semakin menonjol kerana adanya ura-ura dari pemimpin SABERKAS untuk mengubah dasarnya dari ekonomi kepada politik. Tidak dapat dinafikan, sebelum jangkawaktu tersebut (akhir pendudukan Jepun) SABERKAS sudah aktif dalam bidang ekonomi.

- a. Temubual dengan Senu Abdul Rahman dan Azahari Taib *op. cit.*,
- b. Lihat N.J. Funston, “Malay Politics In Malaysia, 1945–1969: A Case Study of The United Malays National Organisation and The Pan Malayan Islamic Party” M.A. Thesis, Monash University Australia, 1973, hal. 210.
- c. R.K. Vasil, *Politics In A Plural Society: A Study of Non-Communal Political Parties In West Malaysia*, OUP, London 1971, hal. 100.
- d. D.E. Moore, “The United Malays National Organization and the 1959 Malayan Elections: A Study of a Political Party In Action In a Newly Independent Plural Society” Phd. Thesis, University of California, 1970, hal. 104.

<sup>29</sup>Lihat Azmi bin Saad, *op. cit.*, hal. 36.

<sup>30</sup>*SUARA SABERKAS*, *op. cit.*, hal. 2, Dalam hal ini Abu Hassan Saidin memberi satu kesimpulan bahawa SABERKAS sebagai pertubuhan politik secara rasmi lahir pada bulan September, 1945. Sedangkan baharu bulan Julai, 1945 SABERKAS diluluskan pendaftarannya sebagai Syarikat Bekerjasama. Oleh itu mustahil dalam masa dua bulan sahaja SABERKAS sudah boleh diubah. Keadaan sebenar lebih jelas dapat dilihat dalam *SUARA SABERKAS* keluaran bulan April, 1946, Jawatankuasa SABERKAS akan mengubah dasarnya kepada politik dan cadangan tersebut akan diputuskan dalam Mesyuarat Agung akan datang pada 19.6.1946.

Dengan ini, September, 1945 yang diberi oleh Abu Hassan Saidin itu masih boleh dipersoalkan. Walaubagaimanapun, aktiviti politik oleh SABERKAS, tidak dapat dinafikan bermula sejak awal lagi. Apa yang dipersoalkan ialah sebagai PERTUBUHAN POLITIK. Penulis lebih berkeyakinan dengan laporan yang diberi oleh Sidang Pengarang *SUARA SABERKAS* itu; dibandingkan dengan sumber temubual yang didapati oleh Abu Hassan Saidin itu. Lihat Abu Hassan Saidin, *op. cit.*, hal. 46–48.

Perubahan yang lewat ini, tidak bererti SABERKAS tidak memainkan peranan dalam isu-isu politik di Negeri Kedah, sebaliknya dalam setiap isu politik SABERKAS sentiasa bersama pertubuhan-pertubuhan lain melakukan tindakan. Ini dapat diperhatikan dalam perarakan menentang Malayan Union.

Selain daripada SABERKAS, kemunculan pertubuhan-pertubuhan politik di Kedah semakin jelas, terutama menjelang dan sesudah perhimpunan raksaksa pada 19.1.1946. Akhir tahun 1945, satu jawatankuasa penaja yang terdiri dari beberapa orang ulama dan pemuda-pemuda Kedah telah dibentuk. Hasil dari ini lahir KESATUAN MELAYU KEDAH.<sup>31</sup> Antara Jawatankuasa Penaja ini, termasuk di dalamnya Mahathir Mohammad,<sup>32</sup> Zahir Ismail,<sup>33</sup> Syed Ahmad Shahabuddin,<sup>34</sup> dan Khalid Awang Othman.<sup>35</sup> Mereka ini adalah dari golongan muda yang bekerja kuat disamping golongan ulama semasa hendak mengadakan perarakan pertama menentang Malayan Union.

Menurut keterangan Syed Ahmad Shahabuddin, beliau bersama-sama dengan Mahathir Mohamad, Zahir Ismail dan Khalid Awang Othman turut serta ke kampung-kampung untuk menjalankan kempen supaya orang-orang kampung keluar beramai-ramai pada hari perarakan tersebut.<sup>36</sup>

Selepas daripada perhimpunan pertama itu, lahir beberapa buah pertubuhan politik. Kecenderungan menubuhkan organisasi, samada politik atau tidak, bukanlah bererti tidak ada persefahaman antara tokoh-tokoh politik di Kedah. Tetapi oleh kerana dasar dan cara perjuangan pertubuhan-pertubuhan yang sudah wujud, terutama SABERKAS, tidak dapat memenuhi kehendak semua golongan, maka sebab itulah sebagai jalan keluar, mereka menubuhkan badan lain.

Kesan semerta dari perarakan tersebut berlaku sebelah petang selepas perhimpunan itu, iaitu kelahiran Persatuan Ulama Kedah.<sup>37</sup>

“Kerana mengambil kesempatan baik bagi merakamkan tawarikh ‘Hari Kebangsaan Melayu’ di dalam perarakan yang dianggarkan lebih kurang

---

<sup>31</sup> akan dibincangkan kemudian

<sup>32</sup> Sekarang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

<sup>33</sup> Sekarang sebagai Hakim Besar Kelantan, bergelar Datuk Zahir Ismail. Dalam tahun 1959 sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah.

<sup>34</sup> Sekarang Datuk Seri Syed Ahmad Shahabuddin adalah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebelum itu sebagai Menteri Besar Kedah.

<sup>35</sup> Bekas Duta Besar Malaysia ke India. Mulai bersara dari jawatan tersebut pada tahun 1978.

<sup>36</sup> Temubual dengan Syed Ahmad Shahabuddin, pada 9.1.1979, di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan Datuk Onn, Kuala Lumpur.

<sup>37</sup> WARTA NEGARA, 23.1.1946.

50,000 orang daripada sekalian rakyat jelata Negeri Kedah telah ditubuhkan Kesatuan Ulama-Ulama di sebelah petangnya. . . ."<sup>38</sup>

Lebih kurang 100 orang para ulama telah hadir di Maahad Mahmud dan mereka telah mengambil persetujuan;

1. Bersatu kata sekaliannya mengadakan Kesatuan Ulama.
2. Sebulat suara menamakan dengan nama KESATUAN ULAMA-ULAMA.<sup>39</sup>

Anggota Jawatankuasa yang dilantik pada hari penubuhan itu adalah seperti berikut:<sup>40</sup>

Yang Dipertua	—	Haji Husain Che Dol, Mudir Sekolah Arab Guar Chempedak.
Penolong Yang Dipertua	—	Haji Abdul Rahman Merbok, Mudir Sekolah Arab Merbok.
Setiausaha	—	Haji Abdullah Abbas Nasution, Mudir Sekolah Arab Tanjung Pauh, Jitra.
Penolong	—	Haji Yahaya Junid, Mudir Sekolah Arab Padang Lumat.
Bendahari	—	Haji Abdullah, Mudir Sekolah Arab Tambak Bunga.
Pemeriksa Kira-kira	—	Haji Mustaffa, Guru Besar Sekolah Arab Tambak Bunga.
Penolong	—	Mohammad Saad, Guru di Maahad Mahmud.

Tuan Syeikh Abdul Halim, Mudir Sekolah Maahad Mahmud dilantik sebagai Penasihat Am Kesatuan Ulama-Ulama, manakala penolongnya ialah Lebai Ismail, Anak Bukit. Manakala ahli Jawatankuasa dilantik dari tiap-tiap daerah Negeri Kedah, yang kesemuanya terdiri dari tokoh-tokoh ulama tempatan, samada ia seorang guru ugama atau ketua ugama bagi madrasah-madrasah di tempat itu.<sup>41</sup>

Tujuan Kesatuan Ulama-Ulama Kedah seperti yang dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> Lihat Struktur Pentadbiran Kesatuan Ulama-Ulama pada JADUAL 1, halaman berikut.



1. Merakamkan perhubungan berkenalan di antara sekalian guru-guru agama.
2. Memesrakan perhubungan sekalian penuntut-penuntut agama.
3. Mencari jalan bagaimana memperbaiki taraf kehidupan penuntut-penuntut agama terutama bangsa Melayu.
4. Meninggikan mutu dan maruah agama Islam dan pemeluknya untuk berpedoman kepada hadis Junjungan kita, "Al-Islam yaklu wala yakla 'alaihi" yang bermakna Islam itu tinggi dan tidak ada yang meninggi lain daripadanya.<sup>42</sup>

Dilihat dari tujuannya, tidak menyebut untuk kegiatan politik. Pentadbiran ini sudah menunjukkan bagaimana pembahagian tugas kepada Ketua-Ketua dalam bahagian masing-masing, iaitu bahagian Pelajaran, Agama dan Penerangan.

**JADUAL I**  
**STRUKTUR PENTADBIRAN PERSATUAN ULAMA KEDAH**

**YANG DIPERTUA**

**NAIB YANG DIPERTUA**

<b>BENDAHARI</b>	<b>SETIAUSAHA</b>	<b>AHLI JAWATANKUASA</b> 13 ORANG	<b>PEMERIKSA</b> KIRA-KIRA 2 ORANG
------------------	-------------------	--------------------------------------	------------------------------------------

**PENOLONG SETIAUSAHA**

<b>KETUA HAL PELAJARAN</b>	<b>KETUA HAL UGAMA</b>	<b>KETUA HAL</b> <b>PENERANGAN</b>
----------------------------	------------------------	---------------------------------------

Dari pembahagian serupa inilah yang menjadikan PUK dapat bergerak dengan lebih berkesan, terutama dalam menghadapi isu-isu tertentu umpamanya isu sumpah Pegawai-pegawai Kerajaan Kedah. Hasil dari tentangan PUKlah yang mengakibatkan Kerajaan Kedah terpaksa menarik balik sumpah tersebut.

<sup>42</sup>WARTA NEGARA, 23.1.1946.

Dilihat dari tujuannya, tidak menyebut untuk kegiatan politik tentu dianggap bahawa Persatuan Ulama Kedah<sup>43</sup> bukan sebuah pertubuhan politik. Mengikuti Haji Yahaya Junid;

“Persatuan Ulama Kedah tidak dapat memisahkan dirinya dari politik. Hanya ia bergerak secara tidak langsung, tetapi pada peringkat akhirnya, kegiatan politik Persatuan ini lebih terang”.<sup>44</sup>

Ini jelas dilihat dari pucuk pimpinannya sendiri, Haji Husain Che Dol selaku Yang Dipertua Persatuan Ulama Kedah, adalah juga sebagai Yang Dipertua Kesatuan Melayu Kedah, sebuah pertubuhan politik pertama di Negeri Kedah. Begitu juga dengan Haji Yahaya Junid, disamping sebagai Penolong Setiausaha kepada Persatuan Ulama Kedah, beliau juga adalah Jawatankuasa KMK. Oleh yang demikian apa yang bergolak dalam KMK, tidak dapat dielakkan dari bergolak sama dalam Persatuan Ulama Kedah (PUK). Malahan kewujudan PUK sendiri adalah juga dari desakan dan keperluan politik ketika itu. Ulama-ulama yang hadir bagi menubuhkan PUK itu adalah juga yang menjadi tenaga kuat menjayakan perhimpunan menentang Malayan Union itu. Dengan ini tidak keterlaluan dikatakan, kelahiran PUK adalah terbit dari semangat politik dari golongan ulama yang ketika itu paling memuncak.

Penglibatan dalam politik oleh PUK ini dapat dilihat sejak tahun 1947 lagi. Keadaan ini lebih jelas di tahun-tahun 1950an. Misalnya pada tahun 1950 Persatuan Ulama Kedah tidak ketinggalan turut hantar wakil-wakilnya yang terdiri dari Syekh Othman bin Salleh dan Haji Husain Che Dol ke Perjumpaan Ulama Se Malaya anjuran UMNO yang dilangsungkan di Muar, Johor. Perwakilan Ulama Kedah telah membawa lima cadangan dan salah satu yang menyentuh soal politik ialah;

“Meminta supaya Majlis Undangan Kuala Lumpur hendaklah mempunyai wakil daripada pihak Ulama Se Malaya”.<sup>45</sup>

Dalam tahun yang sama juga, PUK tidak ketinggalan turut campur dalam perkara perletakan jawatan oleh Datuk Onn bin Jaafar. PUK telah menghantar taligeram kepada Datuk Onn supaya terus memegang jawatan Yang Dipertua UMNO; bunyi taligeram tersebut adalah seperti berikut;

“Kami Ahli Jawatankuasa Persatuan Ulama Kedah, tinggi harapan, pohon Yang Berhormat Datuk memangku semula jawatan Yang Dipertua UMNO Se Malaya”

<sup>43</sup>Menurut Perlembagaan dan Sijil Pendaftaran Pertubuhan No: 304, nama pertubuhan ini ialah PERSATUAN ULAMA KEDAH. Bukan Kesatuan Ulama-Ulama Kedah seperti yang terdapat dalam WARTA NEGARA. Walaubagaimanapun, ini mungkin diperingkat awal keputusan yang diambil dalam Mesyuarat Agung Penubuhan ialah *Kesatuan*, kemudian baharu diubah kepada *Persatuan*.

<sup>44</sup>Temubual dengan Haji Yahaya Junid, pada 7.12.1978, di rumahnya Batu 16, Guar Chempedak, Kedah.

<sup>45</sup>Minit Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Ulama Kedah yang bersidang pada 24.1.1950.

"Kami sentiasa berdoa kebajikan kepada Datuk selama-lama dan Datuk memangku jawatan pemimpin agung umat Melayu. Persatuan Ulama Kedah berdiri tegap taat-setia kepada UMNO dan berkepercayaan penuh kepada Datuk. Hidup Melayu".<sup>46</sup>

Lebih jelas sejauhmana penglibatan PUK dalam politik dapat dilihat dalam tahun 1956. Persatuan ini turut menghantar memorandum kepada Suruhanjaya Bebas Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.<sup>47</sup> Butir-butir yang diketengahkan oleh PUK adalah seperti berikut:

1. Uagama Islam hendaklah dijadikan dasar pemerintahan Kerajaan.
2. Yang Dipertuan Agung mestilah seorang daripada Raja-raja Melayu.
3. Menteri-menteri Besar mestilah seorang Melayu beragama Islam.

Dari apa yang dibentangkan di atas, jelas kelihatan bagaimana pendirian politik PUK. Tidak ragu-ragu bahawa PUK adalah sebuah persatuan yang tidak mendiarkan diri dari terlibat dalam bidang politik. Ini disebabkan pergolakan ulama-ulama ketika itu adalah amat rapat dengan masyarakat. Malah di Negeri Kedah mereka bertindak dalam dua situasi. Pertama sebagai pemimpin agama di pondok, madrasah dan sekolah-sekolah Arab, dan kedua mereka juga ada di antaranya sebagai pemimpin politik, terutama dalam Kesatuan Melayu Kedah. Terdapat juga yang menjadi pemimpin SABERKAS, seperti Haji Ismail Ibrahim.

Kecenderungan untuk menubuhkan badan-badan politik di Kedah terus bergolak, terutama di kalangan pemuda-pemudanya. Dengan ini pada bulan Mei 1946 dengan daya usaha Mahathir Mohamad, Zahir Ismail dan Khalid Awang Othman, tertubuhlah pula Persatuan Pemuda Melayu Kedah (PPMK).<sup>48</sup> Kelahiran PPMK dengan Mahathir Mohamad selaku Yang Dipertua, Zahir Ismail sebagai Naib Yang Dipertua dan Ustaz Ibrahim sebagai Setiausahanya,<sup>49</sup> menjadikan jumlah badan politik di Negeri Kedah sudah meningkat kepada empat buah.

PPMK diambil alih oleh Zahir Ismail sebagai Yang Dipertua dan Ustaz Ibrahim Said sebagai Naib Yang DiPertua selepas Mahathir Mohamad melanjutkan pelajarannya ke luar negeri. Persatuan Pemuda Melayu Kedah menurut Syed Ahmad

---

<sup>46</sup>Seperti yang tercatat dalam Buku Minit Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Ulama Kedah. Keputusan untuk menghantar taligeram ini adalah hasil dari Mesyuarat tergepar semua ahli-ahli Persatuan Ulama yang berlangsung pada 26.9.1950.

<sup>47</sup>Minit Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Ulama Kedah bertarikh pada 2.8.1956.

<sup>48</sup>Syed Ahmad Shahabuddin – Temubual pada 9.1.1979.

<sup>49</sup>Ustaz Ibrahim Said juga adalah Jawatankuasa Kesatuan Melayu Kedah, iaitu yang dipilih dalam Mesyuarat Agung KMK pada 18.2.1946, di Sekolah Kebangsaan Kancut. Lihat *WARTA NEGARA*, 21.2.1946.

Shahabuddin lebih berfaham kebangsaan sederhana. Ia tidak radikal seperti SABERKAS, walaupun kebanyakan pemimpinnya dari golongan muda.<sup>50</sup>

Apa yang jelas, walaupun wujudnya PPMK, tetapi kerjasama antara pertubuhan-pertubuhan itu terus terjalin dengan baik, terutama antara PPMK dengan KMK. Ini disebabkan Mahathir Mohamad, Zahir Ismail dan Khalid Awang Othman adalah juga menjadi anggota KMK. Oleh yang demikian, dalam kebanyakan kegiatan yang bercorak politik oleh PPMK, lebih banyak bergantung atau mendapat kerjasama dari KMK.<sup>51</sup>

Dalam jangka masa yang tidak jauh bedanya, tertubuh pula sebuah badan politik lain yang diberi nama Anjuran Kesatuan Pemuda Kedah (AKP) yang dipelopori oleh Syed Ahmad Shahabuddin yang bertindak sebagai Setiausaha dan Arshad Omar dilantik sebagai Ketua.

"Mulanya Anjuran Kesatuan Pemuda tidak mendapat sambutan, hanya 20 orang ahli sahaja semasa ditubuhkan. Kemudian makin bertambah menjadi 300-500 orang".<sup>52</sup>

Dengan beribu pejabat di Derga, Alor Setar, anggota-anggota AKP telah memulakan kempen menambah ahli-ahlinya. AKP tidak seperti lain-lain pertubuhan yang membuka cawangan di merata daerah dan kampung-kampung seluruh Negeri Kedah, sebaliknya semua ahli-ahli didaftar terus dengan pusat.

Menurut keterangan Syed Ahmad Shahabuddin, AKP disertai oleh semua golongan, terutama dari golongan muda. Banyak juga anggota-anggotanya terdiri dari bekas ahli-ahli API, INSAF, malah PKMM cawangan Kedah. Oleh kerana golongan muda banyak yang menyertainya, maka AKP telah membentuk Barisan Pemuda sendiri;

"Barisan Pemuda ini diberi latihan berkawat dan merekalah yang berbaris menyambut Datuk Onn ketika datang ke Alor Setar".<sup>53</sup>

Selain daripada bergiat dalam politik, AKP juga mempunyai bahagian-bahagian yang diberi tugas bergiat dalam bidang sosio-budaya. Tujuan utamanya mengadakan pertunjukan pentas untuk mendapatkan wang bagi melicinkan lagi pentadbiran AKP.

Satu yang paling menarik dalam perkembangan pertubuhan politik di Negeri Kedah ini ialah kesefahaman antara pemimpin-pemimpinnya. Hasil dari inilah juga

<sup>50</sup>Syed Ahmad Shahabuddin – Temubual pada 9.1.1979.

<sup>51</sup>Syed Ahmad Shahabuddin, Temubual pada 9.1.1979. Lihat bahagian yang membincang khas mengenai Kesatuan Melayu Kedah.

<sup>52</sup>*Ibid.*

<sup>53</sup>*Ibid.*

AKP akhirnya bersetuju menjadikan pertubuhannya itu sebagai sebuah cawangan kepada PPKM atau lebih dikenali dengan *Anjuran Kesatuan Pemuda-Cawangan Persatuan Pemuda Melayu Kedah*.<sup>54</sup>

Dengan percantuman ini, Syed Ahmad Shahabuddin telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Persatuan Pemuda Melayu Kedah di damping diberi kepercayaan sebagai Ketua Barisan Pemuda Melayu Kedah. Kedua-dua pertubuhan ini akhirnya menjadi barisan pemuda kepada Kesatuan Melayu Kedah dan sama-sama diserapkan ke dalam UMNO.<sup>55</sup>

### Kesatuan Melayu Kedah Dan Kegiatan Politik Di Negeri Kedah

#### Penubuhan Kesatuan Melayu Kedah

Maahad Mahmud menjadi pusat yang melahirkan KMK. Ini disebabkan dua faktor. Pertama kebanyakan orang-orang yang mempeloporinya terdiri dari guru-guru yang termasuk juga Guru Besar Maahad Mahmud, manakala keduanya, mesyuarat yang diadakan di sinilah akhirnya tercapai satu persetujuan untuk menubuhkan KMK.

Orang-orang yang dimaksudkan sebagai penggerak kepada tertubuhnya KMK ialah Syeikh Abdul Halim Othman, Guru Maahad Mahmud dan seorang guru disini juga, iaitu Ustaz Ibrahim. Sebagai Guru Besar dan orang yang bertanggungjawab kepada Maahad Mahmud, Syeikh Abdul Halim tidak dapat secara berterang-terang melibatkan diri dalam penubuhan KMK itu. Tetapi ternyata beliau adalah 'master-mind' dan penggerak utama. Kerana sekiranya tanpa inisiatif beliau perjumpaan menubuhkan KMK tidak dapat diadakan di Maahad itu.<sup>56</sup> Semuanya ini dilakukan demi menjaga kepentingan Maahad Mahmud supaya tidak menimbulkan keraguan pemerintah.

Untuk mencari satu tarikh bila KMK ditubuhkan, kita mesti melihat detik-detik perhimpunan menentang Malayan Union yang pertama;

"Gerakan besar kaum Melayu Kedah telah diadakan hari ini [19.1.1946] manakala lebih daripada 50,000 orang yang telah mengambil bahagian di dalam perarakan yang telah dijalankan di bawah riayah Kesatuan Melayu Kedah. . ."<sup>57</sup>

Oleh yang demikian, ternyata KMK masa itu sebuah organisasi yang telah kukuh. Sekiranya ia bukan pertubuhan yang popular dan mewakili rakyat Melayu,

---

<sup>54</sup> *Ibid.*

<sup>55</sup> Akan dibincangkan berikut.

<sup>56</sup> Saidin Yahaya Temubual pada 9.9.1978.

<sup>57</sup> *WARTA NEGARA*, 21.1.1946.

sudah tentu SABERKAS yang sudah wujud sejak tahun 1943 diberi kepercayaan menjadi penganjur perhimpunan tersebut. Ini satu bukti yang menunjukkan bahawa KMK wujud sudah agak lama dari hari perhimpunan tersebut. Sekurang-kurangnya sudah tiga atau empat bulan sebelum itu. Dengan ini dapat diambil satu kesimpulan bahawa kewujudannya adalah antara pertengahan atau akhir tahun 1945.

Satu lagi yang menjadi persoalan ialah mengapakah KMK ditubuhkan, sedangkan, masa itu SABERKAS sudah wujud, dan jelas kegiatannya melibatkan juga soal politik. Menurut Haji Abdullah Abbas Nasution, mereka berkehendakan satu pertubuhan yang sepenuhnya sebagai pertubuhan politik dan boleh mewakili rakyat Kedah.

“Masa itu matalamat semua rakyat ialah menentang Malayan Union, jadi sebuah badan politik yang boleh menjadi barisan depan perlu dibentuk, terutama boleh mempengaruhi rakyat Kedah menentang Malayan Union.”<sup>58</sup>

Manakala menurut Senu Abdul Rahman, bahawa SABERKAS terlalu radikal dan tidak sesuai dengan beberapa golongan ulama dan pemuda-pemuda seperti Ibrahim Endut, Ustaz Ibrahim, Mahathir Mohamad, Syed Ahmad Shahabuddin dan lain-lain, maka mereka mencari jalan lain dan menubuhkan KMK.<sup>59</sup> Satu lagi kesan yang diperolehi menurut Syed Ahmad Shahabuddin, selain daripada SABERKAS dianggap radikal, pertubuhan itu juga lebih bergantung kepada pemimpin-pemimpin yang berkalibar, tetapi tidak bergantung kepada massa. Sebab itulah ahli-ahlinya tidak banyak, walaupun kegiatan SABERKAS boleh dikatakan besar, terutama dalam bidang ekonomi.<sup>60</sup>

Dari kenyataan-kenyataan tersebut, terdapat dua sebab besar mengapa KMK ditubuhkan. Pertamanya tidak semua orang Melayu, terutama golongan ulama dapat bersama-sama dengan SABERKAS. Ini disebabkan keradikalan dan ia bukan sebuah pertubuhan politik yang sebenarnya. Kedua, banyak kalangan pemimpinnya terdiri daripada orang-orang yang berkalibar, tetapi tidak rapat dengan massa. Oleh yang demikian, menjadikan SABERKAS sebagai pertubuhan yang tidak dapat membentuk aksi massa<sup>61</sup> secara total. Manakala bagi KMK pula, dengan berjayanya menganjur perhimpunan yang besar menentang Malayan Union, sudah terbukti kedayaannya untuk menggerakkan aksi massa.

---

<sup>58</sup>Haji Mohd. Khir Taib — Temubual pada 22.12.1978.

<sup>59</sup>Senu Abdul Rahman — Temubual pada 4.1.1979.

<sup>60</sup>Syed Ahmad Shahabuddin — Temubual pada 9.1.1979.

<sup>61</sup>Massa — rakyat murba yang berjuta-juta.

Aksi — perbuatan, pergerakan dan perjuangan.

AKSI-MASSA ialah perbuatan, pergerakan dan perjuangan rakyat-murba samada dalam bentuk perhimpunan, demonstrasi atau rapat-rapat umum.  
Lihat Ir. Soekarno, *Di Bawah Bendera Revolusi*, Jilid 1, Ranitya Penerbit Di Bawah Bendera Revolusi, Jakarta, 1964, hal. 196—197, dan G.McT. Kahin, *Nationalism and Revolution In Indonesia*, Ithaca-Cornell University Press, 1952, hal. 91.

Untuk mengukuhkan lagi kedudukan KMK sebagai pertubuhan massa, maka pada 14.2.1946 telah diadakan Mesyuarat Agung pertama di Sekolah Melayu Kancut dengan dihadiri lebih daripada 500 orang Melayu seluruh Negeri Kedah.<sup>62</sup> Sebenarnya perkara terpenting yang hendak dibincangkan dalam Mesyuarat Agung tersebut ialah pemilihan wakil-wakil KMK ke kongres di Kuala Lumpur.<sup>63</sup>

“Setelah Datuk Onn meminta semua pertubuhan-pertubuhan Melayu seluruh Tanah Melayu hadir dalam kongres itu, maka KMK dengan cepat mengadakan Mesyuarat Agung bagi memilih wakilnya.”<sup>64</sup>

Penjelasan Senu Abdul Rahman itu menunjukkan bagaimana sikap dan reaksi pemimpin-pemimpin KMK terhadap sesuatu isu nasional yang berkaitan dengan politik bangsa Melayu. SABERKAS di masa itu masih tidak lagi menunjukkan reaksi tentang seruan tersebut. Oleh yang demikian, tidak hairan ada pemimpin-pemimpin dari SABERKAS sendiri yang penuh semangat turut hadir dalam Mesyuarat Agung tersebut. Salah seorangnya ialah Senu Abdul Rahman. Beliau sendiri mengakui bahawa walaupun beliau sebagai orang terpenting dalam SABERKAS tetapi kerana dorongan semangat yang meluap-luap, beliau tidak ragu-ragu untuk hadir dalam mesyuarat tersebut.

Ajenda Mesyuarat pada hari tersebut ialah;

1. Mengesahkan undang-undang Kesatuan.<sup>65</sup>
2. Mengangkat ahli-ahli Jawatankuasa sebanyak 20 orang.
3. Memilih wakil Kesatuan Melayu ke Kongres di Kuala Lumpur.
4. Dan lain-lain.<sup>66</sup>

Hasil dari persidangan tersebut, maka terbentuklah Jawatankuasa KMK yang pertama seperti berikut;

---

<sup>62</sup>WARTA NEGARA, 21.2.1946.

<sup>63</sup>Kongres pertama ini diadakan pada 1—4 Mac 1946 di Sulaiman Kelab, Kuala Lumpur. Lihat *UMNO 10 TAHUN*, hal. 18, dan Mohammad Yunus Hamidi, *op. cit.*, hal. 12—17.

<sup>64</sup>Senu Abdul Rahman, *op. cit.*

<sup>65</sup>Penulis gagal untuk mendapatkan Undang-Undang Tubuh Kesatuan Melayu Kedah. Ini disebabkan dua faktor, pertama kebanyakan dari pemimpin-pemimpin asal KMK telah meninggal dunia dan banyak dari dokumen-dokumen mengenainya samada hilang atau dimusnahkan. Kedua disebabkan KMK tidak didaftarkan di bawah Pendaftaran Pertubuhan, terutama pertubuhan politik. Hal yang sama juga berlaku kepada Persatuan Ulama Kedah yang ditubuhkan pada tahun 1946, tetapi pendaftarannya hanya dilakukan dalam tahun 1953. “Waktu itu pertubuhan tidak ada pendaftaran, bersyarat tidak meminta kebenaran . . .” Lihat Amaluddin bin Darus, *Lintasan Politik Malaysia*, Abad Enterprise Kuala Lumpur, 1978, hal. 17.

<sup>66</sup>WARTA NEGARA, 21.2.1946.

Yang Dipertua	—	Haji Husain Che Dol
Naib Yang Dipertua	—	Haji Ayob bin Abdullah
Naib Yang Dipertua	—	Haji Mohd. Rejab bin Darus
Setiausaha	—	Mohd. Khir Segara bin Abdullah
Bendahari	—	Puteh bin Napa
Jawatankuasa Pergaulan	—	Haji Othman bin Haji Yusof
Jawatankuasa Siasah	—	Ibrahim bin Endut
Jawatankuasa Ugama	—	Diserah kepada Kesatuan Ulama Kedah.
Jawatankuasa Iktisad	—	Ismail bin Haji Mohd. Said
Jawatankuasa Pelajaran	—	Hassan bin Shuib
Pemeriksa Kira-Kira	—	Mahmud <sup>67</sup>

Mesyuarat pada hari itu juga memilih enam orang perwakilan untuk Kongres Melayu di Kuala Lumpur;

Haji Husain Che Dol	—	Ketua Perwakilan
Haji Ayob bin Abdullah	—	Perwakilan
Abd. Hamid bin Abdullah	—	Perwakilan
Senu bin Abdul Rahman	—	Perwakilan
Ibrahim bin Endut	—	Perwakilan
Omar bin Din	—	Perwakilan
Haji Mohd. Rejab bin Darus (Pemerhati)		
Haji Salleh bin Shamsuddin (Pemerhati) <sup>68</sup>		

Satu keganjilan dari pemilihan perwakilan KMK untuk kongres itu kerana di dalamnya termasuk Senu Abdul Rahman yang ketika itu menjadi Setiausaha SABERKAS. Bagi KMK, bukanlah kerana kekurangan tokohnya menyebabkan Senu Abdul Rahman dilantik, tetapi disebabkan Senu Abdul Rahman yang hadir dalam Mesyuarat tersebut banyak sekali memberi pandangan dan pendapat kepada mesyuarat itu. Oleh yang demikian, beliau dapat mempengaruhi majlis yang akhirnya memberi kepercayaan kepada beliau untuk mewakili KMK.

Melihat keadaan ini, ahli-ahli SABERKAS telah mendesak jawatankuasa supaya segera mengadakan mesyuarat bagi memilih perwakilan ke Kongres tersebut.<sup>69</sup> SABERKAS yang mengadakan persidangan selang beberapa hari dari Mesyuarat Agung KMK telah memilih Mohammad Jamil Binjai (Ketua Perwakilan), Azahari

<sup>67</sup> Lain-lain Jawatankuasa ialah Haji Abdd. Aziz bin Haji Salam, Haji Abd. Latif bin Haji Ahmad, Ustaz Ibrahim Said, Azahari Taib, Ismail bin Abdul Hamid, Mohd. Saleh bin Muda, Hassan bin Abd. Rauf, Ismail bin Mohamad, Haji Ahmad bin Abdullah dan Wan Mohd. Saad bin Mahmud. *ibid.*

<sup>68</sup> *ibid.*

<sup>69</sup> Senu Abdul Rahman — Temubual pada 4.1.1979.



Taib, Haji Mohammad Ma'sud Taha dan Haji Omar (Pemerhati),<sup>70</sup> sebagai wakilnya dalam Kongres Melayu itu.

Kelahiran KMK menjadikan kegiatan politik di Negeri Kedah semakin rancak. Terutama kelahirannya itu di tengah-tengah kenech semangat orang-orang Melayu menentang Malayan Union. Sebab itulah bagi KMK, setiap isu-isu yang berkait dengan penentangan terhadap Malayan Union segera mendapat reaksi darinya, berbanding dengan SABERKAS. Walaubagaimanapun, kedua-dua organisasi itu tidak bermaksud untuk bersaing, atau saling mencari pengaruh. Sebaliknya perhubungan kedua pertubuhan itu adalah sentiasa baik.

### Kepimpinan Dan Keahlian KMK

Dilihat persenoliti-persenoliti yang memimpin KMK seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Agung pada 14.2.1946 itu terdapat *paduan* antara dua tenaga atau golongan. Pertamanya mereka yang datang dari golongan agama yang terdiri dari;

1. Mudir dan Guru Besar:  
Haji Husain Che Dol  
Haji Yahaya Junid  
Syeikh Abdul Halim  
Haji Abdullah Abbas Nasution
2. Guru-guru Agama:  
Haji Othman Haji Yusuf  
Ustaz Ismail Said  
Ismail Hj Mohd. Said.

Manakala golongan kedua, terdiri dari mereka yang mendapat didikan samada sekolah Melayu atau sekolah Inggeris. Antara mereka ini ialah Haji Ayob Abdullah, Haji Mohd. Rejab Darus, Mohd. Khir Segara, Puteh Napa, Haji Hassan Abd. Rauf, Ibrahim Endut dan sebagainya yang kebanyakan terdiri dari Jawatankuasa KMK.

Corak kepimpinan sedemikian belum pernah terjadi dalam lain-lain pertubuhan di Negeri Kedah, samada sebelum atau selepas KMK ditubuhkan.<sup>71</sup> Malah SABERKAS sendiri terkumpul di dalamnya tokoh-tokoh yang datang dari golongan berpendidikan samada Melayu atau Inggeris.<sup>72</sup> Persepaduan kepimpinan dari dua golongan ini memberi kekuatan kepada KMK. Lebih-lebih lagi dengan kepercayaan yang diberi kepada Haji Husain Che Dol sebagai Yang Dipertua menunjukkan

---

<sup>70</sup> Mohamad Yunus Hamidi, *op. cit.*, dan mengikut apa yang tercatat dalam *UMNO 10 TAHUN*, nama Senu Abdul Rahman dimasukkan sebagai perwakilan SABERKAS, tetapi sebenarnya Senu Abdul Rahman adalah perwakilan KMK. Ini diakui sendiri oleh beliau dalam temubual dengan penulis pada 4.1.1979.

<sup>71</sup> Lihat hal. 18-21.

<sup>72</sup> Mereka ini ialah Senu Abdul Rahman, Mohd. Khir Johari, Azahari Taib, Abdul Hamid Abdullah, Mohamad Khir Awang Jaafar dan lain-lain.

bagaimana seorang tokoh ulama memainkan peranan, bukan sahaja dalam bidang agama, tetapi dalam bidang politik.

Dengan pemilihan itu menunjukkan peri pentingnya tenaga ulama dalam kepimpinan pertubuhan politik. Ini disebabkan dalam masyarakat Melayu, ulama amat berpengaruh dan dipandang tinggi.

"Golongan ulama adalah lebih bebas, tidak terikat dengan kerajaan. Kebanyakan dari mereka membuka sekolah sendiri".<sup>73</sup>

Keadaan ini menjadikan mereka lebih bebas untuk bertindak, tanpa ragu-ragu dan takut-takut seperti setengah pegawai-pegawai kerajaan yang memimpin pertubuhan lain.<sup>74</sup> Mereka tidak dapat dikenakan sekatan dan tindakan tatatertib walaupun kadang-kadang pertubuhan pimpinan mereka itu menggugat pihak pemerintah. Sebab itu golongan agama tidak sahaja berfungsi di peringkat daerah dan kampung-kampung sebagai tokoh agama dan tok guru, tetapi mereka juga memainkan peranan yang terpenting di peringkat negeri, khasnya dalam kengah politik.

Disebabkan persefahaman yang terdapat dalam kepimpinan KMK, maka golongan yang bukan berpendidikan agama tidak pernah mempersoalkan kewibawaan yang ada pada Haji Husain Che Dol sebagai pucuk pimpinan KMK sejak tahun 1946—1949. Di sini terlihat bagaimana kemampuan yang ada pada tokoh ulama tersebut.

Kemampuan ini terletak kepada personaliti beliau yang merupakan seorang ulama yang disegani dan dihormati.<sup>75</sup> Beliau juga seorang ulama yang bersefahaman kebangsaan, dan baginya segala pengalaman yang ada padanya itu dijadikan dasar perjuangan KMK. Pertubuhan ini dijadikan sebagai badan politik kebangsaan yang berpegang kuat kepada prinsip-prinsip Islam.<sup>76</sup>

Manakala mereka dari golongan berpendidikan Melayu dan Inggeris yang menjadi pemimpin KMK pula merupakan tokoh yang tidak kurang pengaruhnya.

---

<sup>73</sup>Abdullah Abbas Nasution — Temubual pada 2,12,1979.

<sup>74</sup>Menurut Syed Ahmad Shahabuddin, pihak pemerintah akan menjalankan tindakan tata-tertib kepada pegawai-pegawainya yang melibatkan diri dalam politik. Orang yang biasa menerima tindakan ini antaranya ialah Tengku Abdul Rahman dan Syed Omar Shahabuddin. Temubual dengan Syed Ahmad Shahabuddin.

<sup>75</sup>Senu Abdul Rahman-Temubual pada 4,1,1979. Kemampuan beliau terbukti dari peringkat awal tunjuk perasaan terhadap Malayan Union hendak diadakan. Selepas bermesyuarat di Maahad Mahmud, beliau dijemput menjadi ketua perarakan. Beliau juga diminta bertemu dengan Tengku Abdul Rahman, supaya meminta Tengku menjadi penasihat di hari tersebut. Dalam hal ini jelas kelihatan budi-bicara beliau amat diperlukan, terutama dalam perkara yang terpenting.

<sup>76</sup>Bagaimana KMK mementingkan Islam dapat dilihat dari seksi-seksi yang dibentuk itu terdapat di dalamnya Jawatankuasa Agama Islam. Untuk mengukuhkan perjalanan prinsip ini, KMK menyerahkan tugas tersebut kepada Persatuan Ulama Kedah, dimana Haji Husain Che Dol juga sebagai Yang Dipertuanya.

Ini dapat dilihat bagaimana peranan Ibrahim Endut, Haji Mohd. Rejab Darus dan Ayob Abdullah semasa perhimpunan menentang Malayan Union. Ibrahim Endut menjadi orang terpenting tampil membaca memorandum bantahan kepada Kerajaan British. Manakala Haji Mohd. Rejab yang turut berucap,<sup>77</sup> memainkan peranan selaku penggerak kepada persediaan perhimpunan tersebut. Ayob Abdullah pula pemimpin Melayu Kedah yang pertama menghantar taligeram ke London sebagai bantahan terhadap Malayan Union.<sup>78</sup>

Hubungan antara KMK dengan PUK juga menunjukkan bagaimana liberalnya pemimpin-pemimpin KMK, terutama dari golongan yang bukan ulama. Dengan adanya hubungan ini, segala aktiviti KMK dapat diperkukuhkan lagi, terutama dalam bidang agama yang diserahkan terus kepada PUK.

Dengan terserahnya tugas di bidang agama kepada PUK itu, menjadikan KMK dapat memberi perhatian sepenuhnya kepada aktiviti-aktiviti politiknya. Oleh yang demikian, dalam setiap isu politik KMK dapat bertindak cepat, malah menunjukkan sikap dan reaksi yang lebih cepat dari SABERKAS.<sup>79</sup>

Manakala dalam isu-isu yang berkaitan dengan agama, KMK tidak mengeluarkan sebarang kenyataan, walaupun Haji Husain Che Dol, Yang Dipertua KMK seorang ulama terkenal. Dalam soal ini beliau lebih suka menyerah kepada Jawatan-kuasa PUK, misalnya dalam perkara yang berkaitan dengan 'Sumpah Pegawai-Pegawai Kerajaan'.<sup>80</sup>

Kerjasama antara KMK dengan PUK tidaklah menghairankan, kerana sebahagian dari pemimpin KMK, terutama pucuk pimpinannya adalah juga menjadi pemimpin kepada PUK. Haji Husain Che Dol sendiri, disamping menjadi Yang Dipertua KMK, beliau juga sebagai Yang Dipertua PUK. Begitu juga halnya dengan beberapa orang pemimpin lain, mereka terlibat dalam kedua-dua pertubuhan itu. Misalnya Haji Yahaya Junid, Haji Abdullah Abbas Nasution, Haji Othman Yusof dan Haji Ismail Haji Mohd. Said.

Berdasarkan hubungan timbal-balik ini, penulis lebih tertarik membuat satu kesimpulan, iaitu Persatuan Ulama Kedah adalah seolah-olah "Dewan Ulama" Kesatuan Melayu Kedah. Ini terbukti setiap isu agama semuanya dirojokkan kepada PUK, manakala bagi PUK pula, dalam banyak hal yang berkait dengan politik di Negeri Kedah, pertubuhan itu lebih banyak berdiam diri.

Persefahaman dan perpaduan yang terdapat dalam kepimpinan KMK dan

<sup>77</sup> Menurut Haji Mohd. Khir Taib, semasa Haji Mohd. Rejab berucap, beliau telah mengoyak teks ucapan yang disediakan dan meneruskan ucapan dengan bebas dan lebih bersemangat.

<sup>78</sup> Lihat Azmi bin Saad, *op. cit.*, hal. 42.

<sup>79</sup> *Ibid.*, Lihat hal. 82-82.

<sup>80</sup> Fail S/U Kerajaan Negeri No. 324/67. Ini akan dibincang dalam kegiatan politik di Kedah.

hubungan luarnya pula dengan PUK, SABERKAS, Persatuan Pemuda Melayu Kedah dan Anjuran Kesatuan Pemuda, merupakan satu tahap yang penting dalam pergolakan penubuhan badan-badan politik di Kedah. Persefahaman yang lebih ternyata dalam KMK ialah kerjasama antara dua golongan seperti yang dibincangkan itu menjadikan KMK sebuah badan yang cukup kukuh. Pertubuhan ini dengan sikap yang tegas dan ingin mengembalikan keutuhan bangsa Melayu telah mendapat sambutan dari masyarakat. Sambutan yang besar ini diperolehi kerana kedudukan kepimpinan KMK sendiri yang meliputi dua kriteria iaitu golongan ulama dan bukan ulama.

Dari sumber-sumber akhbar dan dokumen-dokumen yang diperolehi, KMK adalah mendapat sambutan dari seluruh pelusuk Negeri Kedah.<sup>81</sup> Banyak cawangan-cawangan telah ditubuhkan. Dengan penambahan cawangan ini, bermakna ahli-ahlinya juga semakin bertambah.

Antara cawangan yang terbesar ialah di Kubang Pasu. Cawangan ini ditubuhkan dalam satu perjumpaan pada 24.1.1946 yang dihadiri oleh 400 orang.<sup>82</sup> Keputusan perjumpaan itu melantik Wan Ismail (Pegawai Daerah Jitra) sebagai Yang Dipertua KMK Cawangan Kubang Pasu, manakala Abdullah Abbas Nasution dilantik sebagai Setiausaha.

Manakala dalam Mesyuarat Agung KMK di Sekolah Melayu Kancut pada 14.2.1946, jumlah kehadiran ialah 500 orang.<sup>83</sup> Dari jumlah ini, dapat dianggap sebahagian besar daripada mereka adalah ahli-ahli KMK. Bakinya samada yang berminat kepada KMK dan akan menjadi ahli atau mereka yang cuma datang untuk mengikuti mesyuarat itu, ataupun untuk mengetahui KMK dengan lebih dekat lagi. Sungguhpun begitu, dari segi logikinya, pengaruh perbincangan di hari tersebut setidak-tidaknya mereka yang belum menyertai KMK, akan tertarik untuk menjadi ahli selepas itu.

Di bawah cawangan Kubang Pasu terdapat pula beberapa cawangan-cawangan lain seperti di Kodiang, Changlun, Melele, Sanglang, Air Hitam dan Jerlun.<sup>84</sup> Dengan ini bermakna ahli-ahli KMK di semua daerah Kubang Pasu tentu melebihi dari 500 orang, kerana bagi daerah Kubang Pasu (pusat) sahaja sudah berjumlah 400 orang.

Bagi cawangan di Tanjung Dawai seperti yang dilaporkan oleh Setiausaha UMNO cawangan tersebut menjelaskan;

---

<sup>81</sup>Penulis tidak berjaya untuk mendapat Buku Pendaftaran Ahli KMK. Dari penjelasan beberapa orang yang ditemubual oleh penulis, kebanyakan dokumen-dokumen itu telah hilang. Ada pula yang telah dimusnahkan.

<sup>82</sup>WARTA NEGARA, 25.1.1946.

<sup>83</sup>Lihat hal. 24.

<sup>84</sup>Abdullah Abbas Nasution — Temubual pada 2.12.1978.

“Sejak ditubuhkan pada 19.8.1948 hingga 26.11.1948 ahlinya yang sudah Berdaftar Terus berjumlah 135 orang”

“Ahli-ahli yang belum Berdaftar Terus kadar 200 orang, mereka ini dahulunya adalah menjadi ahli KMK. Mereka ini sudah diberitahu, tetapi mereka tidak mahu memberi keputusan. Pada pendapat sahaja mereka yang tersebut ini enggan menjadi Member Mendaftar Terus”<sup>85</sup>

Dengan ini bermakna ahli KMK cawangan Tanjung Dawai (Sebelum Berdaftar Terus) berjumlah 335 orang. Ini termasuk 135 orang yang bersetuju berdaftar terus. Mereka ini sudah tentu bekas ahli-ahli KMK juga kerana semua ahli-ahli KMK dalam tahun 1948 menjadi ahli daftar terus kepada UMNO, iaitu setelah KMK diserapkan terus menjadi UMNO.

Cawangan-cawangan lain, walaupun tidak menyebut jumlah ke anggotanya, tetapi yang jelas KMK mempunyai cawangan di Kulim, Sungai Pekan Yan, Baling,<sup>86</sup> dan Bandar Baharu.<sup>87</sup>

Setakat ini sekiranya dicampur kesemua jumlah keahlian yang dikemukakan itu, berjumlah 1,335 orang ahli KMK, ini tidak termasuk cawangan-cawangan di Kulim, Sungai Petani, Yan, Baling dan Bandar Baharu. Jumlah ini tidak jauh bedanya dengan yang diberi dalam Lapuran Keahlian UMNO sehingga 31.12.1946, dimana ahli-ahli KMK adalah melebihi ahli-ahli SABERKAS.<sup>88</sup>

Mengikut Lapuran Keahlian UMNO itu, bilangan ahli-ahli KMK pada bulan Julai 1946 ialah 1,800 orang. Pada bulan September angka ini menjadi 1,924. Manakala hingga bulan Disember 1946 jumlah semua anggota-anggota KMK meningkat kepada 5,940 orang.<sup>89</sup>

Bagi SABERKAS, dalam bulan Julai 1946 anggotanya berjumlah 4,800 orang. Keahliannya tidak bertambah walau seorang pun sehingga bulan Disember 1946.<sup>90</sup>

Dari data ini dapat dibuat analisa tentang kedudukan ahli-ahli KMK. Yang amat menarik sejak ditubuhkan hingga bulan Julai 1946, iaitu kira-kira sembilan atau sepuluh bulan sahaja KMK berjaya mengumpul ahlinya seramai 1,800 orang.

<sup>85</sup>UMNO/SG No. 42/1948.

<sup>86</sup>Abdullah Abbas Nasution – Temubual 2.12.1978.

<sup>87</sup>UMNO/SG No. 12/1946.

<sup>88</sup>Sumbangan badan-badan gabungan kepada UMNO serendah-rendahnya \$500.00 bagi badan yang ahlinya kurang dari 500 orang. Manakala badan-badan yang ahli-ahlinya melebihi 500 orang dikira \$1.00 bagi tiap-tiap seorang ahli. Lihat UMNO/SG No. 14/1948.

<sup>89</sup>*Ibid.*

<sup>90</sup>*Ibid.*

Sedangkan SABERKAS yang ditubuhkan sejak tahun 1943 hingga Julai 1946, iaitu kira-kira tiga tahun berjumlah 4,800. Dengan ini bermakna peningkatan ahli-ahli KMK lebih tinggi dari SABERKAS dalam masa setahun.

Apabila KMK sudah benar-benar kuat, kelihatan SABERKAS tidak dapat menambahkan ahli-ahlinya, sedangkan KMK dalam masa kira-kira lima bulan ahlinya bertambah 4,140 orang yang menjadi kesemuanya pada bulan Disember 1946 seramai 5,940 orang.

Dari segi menyumbangkan yuran kepada UMNO,<sup>91</sup> kelihatan KMK membayar dengan cukup. Misalnya untuk sumbangan bagi tahun 1946 yang berjumlah \$5,940.00 itu selesai dibayarnya pada 19.7.1947 yang berjumlah semuanya \$5,940.00 (pembayarannya dilakukan sebanyak 4 kali ansuran).<sup>92</sup> Berbanding dengan SABERKAS untuk jangka masa yang sama hanya membayar sebanyak \$2,800.00 Ini bermakna SABERKAS masih belum menjelaskan yuran tahunannya berjumlah \$2,000.00, iaitu seperti yang terdapat dalam Laporan Penyata Sumbangan Yuran Dari Badan Gabungan UMNO.<sup>93</sup>

Manakala sumbangan untuk tahun 1947, ternyata pada bulan April 1947 KMK sudah membayar semua sekali sumbangannya yang berjumlah sebanyak \$5,940.00<sup>94</sup> Sedangkan SABERKAS masih terus tidak dapat menjelaskan kesemua sekali seperti yang dilakukan oleh KMK.

Apa yang hendak diketengahkan di sini ialah kesedaran ahli-ahli KMK dan SABERKAS, atau dikatakan "Kesedaran Berpersatuan" kepada orang-orang Melayu Kedah. Kelihatan sekali bagaimana *Kesedaran Berpersatuan* yang terdapat kepada ahli-ahli KMK, kerana apabila seseorang ahli itu membayar yuran yang tepat pada waktu dan jumlahnya, maka rasa *tanggungjawab* dalam satu pertubuhan itu lebih tinggi. Ahli-ahli itu merasa dirinya adalah anggota kepada pertubuhan itu dan mempunyai tanggungjawab untuk memperjuangkan cita-cita pertubuhan tersebut. Hal ini tidak diragukan terdapat kepada ahli-ahli KMK seluruh Negeri Kedah. Manakala sekiranya ahli-ahli itu tidak memberi sumbangan yuran yang tepat pada waktu dan jumlahnya, *kesedaran berpersatuan* pada dirinya amatlah kurang, malah mungkin tidak ada langsung. Dengan ini 2,000 orang ahli dari SABERKAS yang tidak sedar, berpersatuan, atau dengan perkataan lain, mereka tidak menyedari mereka menjadi ahli dan bertanggungjawab kepada perjuangan SABERKAS.<sup>95</sup>

---

<sup>91</sup> *Ibid.*

<sup>92</sup> *Ibid.*

<sup>93</sup> *Ibid.*

<sup>94</sup> UMNO/F 15/1947 – (14A).

<sup>95</sup> Mengikuti satu surat dari SABERKAS bertarikh 30hb. April, 1947 menjelaskan; "Bayaran ini ialah bayaran kali yang pertama dan akan berikut kemudian kelak. Begitu juga berkenaan dengan bilangan ahli SABERKAS pada tahun ini tak dapatlah hendak saya tetapkan sekarang, kerana bilangan-bilangan ahli itu yang sebenarnya belum lagi dihantar oleh cawangan-cawangan kita mengikut peraturan-peraturan kita pada tahun ini." Lihat Surat SABERKAS kepada Setiausaha Agung UMNO: No. 2 in SAB/SUA 29/47, dalam UMNO/SG No. 14/1947.

Di sinilah letaknya *titik-penentuan* sejauhmana berkesannya perjuangan sesebuah pertubuhan itu. Kerana jumlah ahli dan perasaan bertanggungjawab itu adalah menjadi *penggerak utama* kepada berjaya atau tidak perjuangan sesebuah pertubuhan. Satu lagi yang dapat diketengahkan ialah *kepimpinan* yang ada pada seseorang itu juga boleh membawa sesebuah pertubuhan itu mendapat sambutan, atau menjadi pertubuhan massa. Maksudnya, pemimpin itu mestilah dapat diterima oleh semua golongan tidak kira dari golongan agama, pemuda-pemuda yang menerima pendidikan moden dan dari sesiapa sahaja yang dinamakan bangsa Melayu.

KMK agak beruntung kerana pemimpinnya terdiri dari setiap golongan, yang terbesar ialah dari dua golongan iaitu dari yang berpendidikan agama dan berpendidikan Melayu atau Inggeris. Manakala SABERKAS, sungguhpun pemimpinnya dari golongan yang berkalibar, dan setengahnya pula mendapat pendidikan tinggi, tetapi kerana tidak ada perpaduan dari dua golongan seperti KMK, maka agak susah untuk meluaskan pengaruhnya di kalangan masyarakat Melayu Negeri Kedah.

Walau apa sekalipun yang bergolak dalam pertubuhan-pertubuhan politik di Negeri Kedah, yang paling jelas ialah tidak ada persaingan buruk antara mereka. Ini bukan sahaja terdapat antara sesama pucuk pimpinan, tetapi sesama ahli juga sentiasa dalam satu tekad untuk menghadap perjuangan yang sama.

#### **Keahlian KMK Akibat Penyusunan Semula UMNO.**

Selepas daripada persidangan di Seremban pada 1–2 Mac 1947,<sup>96</sup> pucuk pimpinan UMNO memikirkan untuk mengemaskan lagi UMNO, mestilah dijadikan sebuah badan politik yang tunggal dan bukan lagi terdiri daripada gabungan pertubuhan yang mempunyai pendirian berbeza.<sup>97</sup>

Bertolak dari ini, maka dalam persidangan di Kota Baharu pada 11–12 Mei 1947,<sup>98</sup> UMNO telah mengemukakan satu usul dan mahu supaya tiap-tiap ahli bergabung menerima pertubuhan UMNO dengan menyerap diri terus ke dalamnya. SABERKAS yang hadir di hari tersebut telah menentanginya,<sup>99</sup> tetapi KMK menyokong.<sup>100</sup> Bagi SABERKAS dengan menerimanya cadangan tersebut, bermakna badan-badan gabungan tidak lagi mempunyai suara untuk bercakap, kebebasan berkumpul dan mencetak.<sup>101</sup>

Sikap SABERKAS yang tegas ini menyebabkan Datuk Onn memberi pilihan kepadanya:

---

<sup>96</sup> *UMNO 10 TAHUN*, hal. 47.

<sup>97</sup> *Ibid.*, hal. 49.

<sup>98</sup> *Ibid.*, hal. 49.

<sup>99</sup> *Ibid.*, hal. 49.

<sup>100</sup> Abdullah Abbas Nasution — Temubual 2.12.1978.

<sup>101</sup> *UMNO 10 TAHUN*, Hal. 49.

“Jika ditakdirkan SABERKAS keluar, maka pengeluaran SABERKAS tersebut tidak akan menjadi hal kepada PEKEMBAR ataupun jika SABERKAS mahu berubah maka sudah tentu membesarkan hati PEKEMBAR”<sup>102</sup>

Manakala KMK yang menyokong usul tersebut akhirnya bersetuju memansuhkan KMK dan menjadi ahli terus kepada UMNO. Bagi KMK kewujudan sebuah pertubuhan tunggal seluruh Tanah Melayu adalah lebih berfaedah, kerana semua orang-orang Melayu akan bersatu di bawah satu payung. Selagi UMNO membiarkan keadaan tidak berpadu berkekalan, selama itulah UMNO agak terumbang-ambing, terutama di dalam membuat satu-satu dasar yang berkait dengan Perlembagaan.<sup>103</sup>

Setelah dilaksanakan satu peraturan berhubung dengan keahlian itu, yang dinamakan Ahli Berdaftar Terus,<sup>104</sup> maka pada tahun 1949 peraturan tersebut dikuatkuasakan. Dengan ini KMK dan badan-badan lain yang bergabung dengan UMNO sebagai ahli bersekutu dimansuhkan. Yang tinggal kekal sekarang ialah UMNO. Serentak dengan itu semua ahli-ahli dari persatuan gabungan, termasuk KMK didaftarkan semula.<sup>105</sup>

Walaupun terdapat juga ahli-ahli KMK yang tidak mahu berdaftar terus itu, seperti ahli-ahli dari cawangan Tanjung Dawai, tetapi keseluruhannya KMK tidak menghadapi pertentangan antara pucuk pimpinannya dengan pucuk pimpinan UMNO seperti yang berlaku kepada SABERKAS.

Selepas KMK dimansuhkan serta diserap ke dalam UMNO, kepimpinan KMK yang selama ini dipegang oleh Haji Husain Che Dol (1946–1948) telah berubah kepada Datuk Syed Omar Shahabuddin yang dilantik menjadi Presiden UMNO Kedah.<sup>106</sup> Peralihan pucuk pimpinan ini menunjukkan satu sikap jujur yang ada pada Haji Husain Che Dol, kerana apabila beliau merasa bahawa beliau tidak mampu dan berdaya lagi untuk memimpin, terutama bagi menghadapi perjuangan yang semakin kompleks, maka dengan rela beliau melepaskan jawatan tersebut.<sup>107</sup>

#### Pergerakan Politik Orang-Orang Melayu Kedah

Untuk melihat pergerakan politik orang-orang Melayu di Kedah hingga tahun

---

<sup>102</sup> *UTUSAN MELAYU*, 14.5.1947. Walaubagaimanapun, SABERKAS tidak bermaksud untuk keluar dari UMNO dan berdiri sendiri sebagai pertubuhan yang berasingan dari UMNO. Pengalaman yang dapat dilihat menerusi PKMM sudah mengajar SABERKAS, bahawa sekiranya berpecah dari UMNO, maka sesuatu pertubuhan itu akhirnya akan malap, dan tidak akan mendapat sokongan dari seluruh orang-orang Melayu.

<sup>103</sup> Syed Ahmad Shahabuddin – Temubual.

<sup>104</sup> UMNO/SG No. 219/1950. Lihat Lampiran I.

<sup>105</sup> *Ibid.*

<sup>106</sup> Abdullah Abbas Nasution – Temubual 11.9.1978.

<sup>107</sup> *Ibid.*



1955, bererti tidak dapat memisahkan dari melihat pergerakan SABERKAS,<sup>108</sup> Kesatuan Melayu Kedah, Persatuan Pemuda Melayu Kedah, Anjuran Kesatuan Pemuda dan UMNO. Sungguhpun begitu, perbincangan ini akan lebih menumpukan kepada pergerakan KMK yang akhirnya dimansuhkan dan diserapkan pula ke dalam UMNO Kedah. Begitu juga halnya dengan PPMK dan AKP.

Kesatuan Melayu Kedah telah menyusun struktur pentadbiran yang rapi, supaya ia dapat bergerak dengan lebih menyeluruh di Negeri Kedah.<sup>109</sup> Lebih-lebih lagi supaya setiap aktiviti itu menepati tujuannya seperti berikut;

1. Menyatukan orang-orang Melayu seluruh Kedah dalam sebuah pertubuhan politik.
2. Berjuang menghapuskan Malayan Union.
3. Mempertahankan keutuhan agama Islam.<sup>110</sup>
4. Membela tanahair dari kaum asing.
5. Mengekalkan kuasa raja yang menjadi pelindung kepada bangsa Melayu.<sup>111</sup>

Pergerakan awal selepas penubuhannya ialah perhimpunan menentang Malayan Union.<sup>112</sup> Dalam perhimpunan penentangan yang kedua dan ketiga, PPMK, AKP dan PUK ikut serta bersama-sama KMK dan SABERKAS.

JADUAL II  
STRUKTUR PENTADBIRAN KESATUAN MELAYU KEDAH

YANG DIPERTUA				
NAIB YANG DIPERTUA				
2 ORANG				
BENDAHARI	SETIAUSAHA	AHLI JAWATANKUASA	PEMERIKSA	
		15 ORANG	KIRA-KIRA	
SISAH	PERGAULAN	UGAMA	IKTISAD	PELAJARAN
DISERAH KEPADA				
PERSATUAN ULAMA KEDAH				

<sup>108</sup>Pergerakan SABERKAS adalah juga pergerakan orang-orang Melayu yang boleh dianggap mewakili hampir sebahagian besar darinya. Oleh itu penulis tidak akan membincangkan lagi kerana sudah ditulis dengan lengkap oleh Abu Hassan Saidin, *op. cit.*

<sup>109</sup>Lihat Jadual II tentang Struktur Pentadbiran KMK.

<sup>110</sup>Abdullah Abbas Nasution – Temubual 2.12.1978.

<sup>111</sup>Syed Ahmad Shahabuddin – Temubual 9.1.1979.

<sup>112</sup>Lihat Azmi bin Saad, *op. cit.*, bab. III.

Implikasi dari penentangan tersebut melahirkan kerjasama yang semakin kukuh antara badan politik di Negeri Kedah. Terutama antara Kesatuan Melayu Kedah, SABERKAS, Persatuan Ulama Kedah dan Persatuan Pemuda Melayu Kedah. Keempat pertubuhan inilah yang menjadi penggerak dalam arena politik seterusnya di Negeri Kedah.

Puncak dari kegiatan politik oleh badan-badan tersebut ialah yang berkaitan dengan *Perlembagaan Negeri Kedah*. Kesatuan Melayu Kedah bersama-sama SABERKAS dan Persatuan Pemuda Melayu Kedah telah berpadu-tenaga menentang perlembagaan Negeri Kedah yang digubal tanpa mengajak bersama wakil pertubuhan-pertubuhan politik di negeri ini.<sup>113</sup> Tindakan Kerajaan Negeri Kedah membelakangkan fikiran dan pandangan rakyat semasa hendak menggubalkan perlembagaan itu dianggap oleh KMK, SABERKAS dan PPMK sebagai cuba untuk menyembunyikan sesuatu dari diketahui oleh ahli-ahli politik negeri ini.<sup>114</sup>

Oleh kerana tidak puas hati di atas tindakan Kerajaan Negeri Kedah itu, Kesatuan Melayu Kedah telah menganjurkan satu perjumpaan besar antara pertubuhan-pertubuhan politik di Negeri Kedah pada 8.1.1948 di Pejabat Kesatuan Melayu Kedah.

"Persidangan itu telah menimbangkan berkenaan dengan surat-surat persembahan kepada DYMM Sultan Kedah di atas pindaan yang diminta diadakan di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah . . ."<sup>115</sup>

Bagi KMK, punca utama kedudukan masalah ini adalah ditimbulkan oleh Haji Mohammad Shariff, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah yang dikatakan terlibat secara langsung dengan penggubalan perlembagaan tersebut. Hal ini disebabkan beliau sedang menghadapi dilima pemilihan Menteri Besar. Bagi masyarakat Negeri Kedah, mereka mahu supaya Tengku Yaakub dilantik sebagai Menteri Besar, sedangkan beliau sendiri cuba untuk dapatkan jawatan tersebut.<sup>116</sup> Jadi satu jalan sahaja yang membolehkan perkara ini terlaksana ialah dengan meminda perlembagaan negeri.

Oleh itu Kesatuan Melayu Kedah bersama-sama SABERKAS dan Persatuan Pemuda Melayu Kedah telah menghantar cadangan pindaan Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah kepada kerajaan. Terdapat lima cadangan pindaan yang dikemukakan oleh Kesatuan Melayu Kedah;

---

<sup>113</sup>Haji Mohammad Khir Tahir – Temubual pada 22.12.1978.

<sup>114</sup>*Ibid.*

<sup>115</sup>Surat Kesatuan Melayu Kedah kepada Setiausaha Agung PERKEMBAR, bertarikh 9.1.1948. Lihat UMNO/SG No. 147/1947.

<sup>116</sup>WARTA NEGARA, 25.7.1947.

Cadangan (1) *Perkara nasihat dan persetujuan Pegawai-pegawai yang dikehendaki.*

Maka di dalam Rang Undang-Undang Tubuh itu ada tersebut perkataan "Chiefs and Elders" faham di dalam negeri ini tiada ada memakai pangkat-pangkat yang tersebut itu dengan rasminya. Oleh itu inilah dicadangkan tinggalkan perkataan-perkataan itu dan ditempatnya digantikan dengan perkataan-perkataan yang mengandungi makna wakil-wakil pertubuhan-pertubuhan siasah Melayu yang diiktirafkan di dalam negeri ini supaya dengan permasukan perkataan-perkataan ini dapatlah difaham oleh rakyat jelata yang pertubuhan-pertubuhan ini yang menjadi wakilan rakyat ada mengambil bahagian di dalam perkara perlembagaan itu"<sup>117</sup>

Cadangan (2) *Perkara Lantikan Menteri Besar.*

Maka bab yang dicadangkan tambah itu berasas di atas tauladan-auladan yang biasa dipakai di dalam lain negeri iaitu tiada lazimnya seseorang yang menjadi bakal atau yang boleh menjadi bakal raja-raja memegang jawatan Menteri Besar."<sup>118</sup>

Dari dua cadangan yang dikemukakan di atas menunjukkan bagaimana sudah ada benih-benih mahukan demokrasi yang meletakkan badan-badan politik itu sebagai pemerintah di dalam negeri. Dari apa yang ditekankan, KMK mahu supaya wakil-wakil dari pertubuhan politik yang dianggap mewakili rakyat mestilah diberi peranan yang sewajarnya di dalam pentadbiran negeri.

Dengan cadangan tersebut, boleh dikatakan pada tahun 1948, pertubuhan-pertubuhan politik di Negeri Kedah sudah sedar sejauhmana peranan yang mesti dimainkan oleh mereka demi melicinkan demokrasi di negeri ini. Manakala dalam perlantikan Menteri Besar, Kesatuan Melayu Kedah dan lain-lain pertubuhan politik di negeri ini sudah berani bersuara walaupun kuasa tersebut di dalam tangan Sultan. Begitu juga watan Setiausaha Kerajaan Negeri, KMK dan lain-lain pertubuhan politik di negeri ini mahu supaya Syed Omar Shahabuddin dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri.<sup>119</sup> Cadangan ini dikemukakan kerana Syed Omar Shahabuddin, adalah orang yang rapat dengan rakyat, mengetahui hasrat rakyat dan ia juga seorang yang turut serta dalam kegiatan politik di negeri ini.

Berhubung dengan perlantikan Menteri Besar, KMK dan lain-lain pertubuhan politik di negeri ini mahu supaya orang yang memegang jawatan itu benar-benar jujur dan mahu berkhidmat kepada rakyat. Dalam hal ini, walaupun *Cadangan (2)* dalam perlembagaan Negeri Kedah yang dikemukakan oleh mereka menekankan tidak semestinya keturunan Diraja memegang jawatan tersebut, tetapi bagi mereka Tengku Yaakob adalah orang yang paling layak menjawat jawatan Menteri Besar.

---

<sup>117</sup>UMNO/SG NO. 147/1947.

<sup>118</sup>*Ibid.*

<sup>119</sup>*Ibid.*

Di kalangan rakyat Negeri Kedah, nama Tengku Yaakob dan peranannya, terutama dalam meninggikan kehidupan rakyat adalah tidak asing bagi mereka. Kewujudan Pekan Rabu dan Pasar Yaakob adalah inisiatif dari Tengku Yaakob. Mereka merasa Tengku Yaakob adalah orang yang dapat menggantikan peranan yang pernah dimainkan oleh Tengku Abdul Aziz ketika menjadi Menteri Besar dahulu. Beliau berjaya memajukan bukan sahaja sistem pentadbiran negeri, tetapi berjaya mengatasi kedudukan ekonomi negeri. Semasa beliau menjadi Menteri Besar juga, hubungan Kedah dengan Siam amat rapat, hingga Kerajaan Siam bersetuju memberi pinjaman wang kepada Negeri Kedah untuk memajukan pembangunannya.

Oleh sebab demikian, dalam satu surat Kesatuan Melayu Kedah kepada Haji Muhammad Shariff ditegaskan;

"Berkenaan dengan jawatan Menteri Besar itu oleh kerana suara ramai telah mencadangkan Yang Teramat Mulia Tengku Yaakob menjadi Menteri Besar maka Kesatuan ini bersetuju dihadkan keturunan DYMM diluluskan memegang jawatan Menteri Besar itu di mana-mana bab yang menasabah dengan tempatnya"<sup>120</sup>

Biarpun terdapat bantahan dari semua pertubuhan politik di Negeri Kedah, terutama yang berkaitan dengan perantikan Menteri Besar yang diramalkan DYMM Sultan akan memilih Haji Mohammad Shariff, namun pihak Kerajaan Negeri tidak langsung mengambil indah. Apa yang lebih memeranjatkan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengeluarkan kenyataan bahawa YTM Tengku Yaakob sendiri lebih suka mengkhidmatkan dirinya di dalam pekerjaan sekarang.<sup>121</sup>

Kenyataan seperti ini menjadi tandatanya kepada bukan sahaja tokoh-tokoh politik dari KMK, SABERKAS, Persatuan Pemuda Melayu Kedah dan Anjuran Kesatuan Pemuda, tetapi seluruh rakyat negeri ini. Mereka masih ragu-ragu samada benar atau tidak Tengku Yaakob secara rela hendak mengekalkan jawatan lamanya dan tidak menerima perantikannya sebagai Menteri Besar, atau ada paksaan dari Sultan sendiri.<sup>122</sup>

Dalam soal perantikan Menteri Besar ini, hanya Kesatuan Kaum Tani Kedah sahaja yang menyokong perantikan jawatan Menteri Besar itu kepada Haji Mohammad Shariff. Menurut Setiausahanya Haji Md. Noor Bashah, "Kesatuan Kaum Tani Kedah tetap taat-setia ke bawah DYMM Sultan dan menerima perantikan yang dibuat oleh baginda itu, walaupun Kesatuan ini tahu bahawa Tengku Yaakob memang layak dan mempunyai kebolehan yang lebih besar."<sup>123</sup>

---

<sup>120</sup> *Ibid.*

<sup>121</sup> *Ibid.*, lihat juga *WARTA NEGARA*, 25.7.1957.

<sup>122</sup> *WARTA NEGARA*, 27.7.1947.

<sup>123</sup> Temubual dengan Md. Noor Bashah, di rumahnya Pekan Tunjung, pada 5.12.1978.

Walaupun ada juga pertubuhan yang tidak menyokong Kesatuan Melayu dalam masalah ini, tetapi kedudukan mereka tidaklah kukuh, kerana hanya sebuah sahaja kesatuan yang tidak menyokong itu. Manakala pertubuhan-pertubuhan lain termasuk Persatuan Ulama Kedah, Lembaga Pekan Rabu dan Pekan-Pekan Mingguan, dan Kesatuan Penghulu-penghulu Kedah adalah berdiri kuat di belakang KMK, SABERKAS, dan Persatuan Pemuda Melayu Kedah.<sup>124</sup>

Dari bantahan tersebut, proses politik di Kedah pada masa itu amat jelas. Mereka sudah berani dan tegas dalam menghadapi sesuatu isu, terutama yang menyentuh kepentingan bangsa Melayu. Mereka juga sudah matang mempertimbangkan bagaimana pentingnya jawatan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Mereka juga mula mempersoalkan kuasa Sultan dalam melantik dan melucutkan jawatan seseorang pegawai kerajaan. Dalam hal ini, apakah Sultan mempunyai kuasa untuk menolak hasrat rakyat jelata.

Rakyat Kedah kini benar-benar sedar setelah memperolehi pengalaman hasil dari perjanjian Sultan dengan Sir Harold MacMichael. Mereka sudah matan dan tidak mahu lagi sebarang perjanjian yang merugikan. Begitu juga halnya dengan perlembagaan, mereka lebih suka membantah sebelum ia dikuatkuasakan.

Disebabkan bantahan itu berterusan, maka Haji Mohammad Shariff telah memanggil enam orang wakil Kesatuan Melayu Kedah ke pejabatnya pada 19.11.1947.<sup>125</sup> Tujuan jemputan itu adalah untuk bermesyuarat dan berbincang soal Undang-undang Tubuh Negeri Kedah.<sup>126</sup> Tetapi apa yang berlaku, Haji Mohammad Shariff menunjukkan Undang-Undang itu kepada perwakilan Kesatuan Melayu Kedah, sambil berkata;

“... inilah modelnya yang semacam dengan lain-lain negeri tiada perubahan apa-apa melainkan Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan sahaja sebab di sana ada pula Undangnya.<sup>127</sup>

Perwakilan Kesatuan Melayu Kedah yang diketuai oleh Haji Mohd. Rejab Darus (Naib Yang Dipertua KMK) berkali-kali meminta satu salinan seluruh Undang-Undang itu, tetapi tidak diberi oleh Haji Mohammad Sharif.<sup>128</sup> Bagi Haji Mohd. Rejab Darus;

“Maka yang demikian itu batallah jemputan itu bukanlah untuk mesyuarat yang sebenarnya hanya membuat helah melepaskan daripada taksir sahaja.

---

<sup>124</sup> Lihat Surat Setiausaha Kesatuan Melayu Kedah kepada DYMM Sultan Kedah bertarikh 14.12.1947. UMNO/SG No. 147/1947.

<sup>125</sup> Lihat surat Setiausaha KMK kepada Setiausaha Agung UMNO, bertarikh 20.11.1947. UMNO/SG No. 147/1947.

<sup>126</sup> *Ibid.*

<sup>127</sup> *Ibid.*

<sup>128</sup> *Ibid.*

Oleh kerana dibimbang barangkali pada kemudian hari akan berbangkit percakapan mengatakan Kesatuan ini telah mengambil bahagian di dalam perkara menyusun Undang-Undang itu. . ."<sup>129</sup>

Kerana kegagalan dari perjumpaan tersebut, maka Haji Mohd. Rejab telah menulis surat kepada Datuk Onn Jaafar menyatakan bahawa sekiranya UMNO tidak mengambil tindakan menyelesaikan perkara ini, tidak ada jalan lain bagi beliau melainkan mengadakan satu perjumpaan semua pertubuhan politik di Kedah bagi membincangkan tindakan selanjutnya.<sup>130</sup>

"Saya percaya Kesatuan [Kesatuan Melayu Kedah] akan mesyuarat pada petang ini untuk menetapkan haribulan mesyuarat yang akan dijemput wakil-wakil Kesatuan [Kesatuan Melayu Kedah] wakil-wakil SABERKAS, Wakil-wakil Kesatuan Ulama, wakil-wakil Pemuda [Persatuan Pemuda Melayu Kedah, dan mungkin juga termasuk Anjuran Kesatuan Pemuda] dan lain-lain lagi di Balai Besar atau di Kesatuan selewat-lewat pada 12 Disember 1947 untuk mengambil persetujuan rakyat siapa yang dikehendaki menjadi Menteri Besar supaya dipersembahkan ke bawah DYMM Sultan."<sup>131</sup>

Mesyuarat tersebut memutuskan sebulat suara bahawa Tengku Yaakob tetap sebagai Menteri Besar dan Syed Omar Shahabuddin pula mesti dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri.<sup>132</sup> Sekiranya tuntutan akhir ini tidak dilayan, semua pertubuhan di negeri ini akan bersatu memboikot perasmian Persekutuan Tanah Melayu yang ditetapkan pada 1.1.1948.

Ancaman ini mendapat perhatian dari UMNO yang merupakan pertubuhan induk kepada KMK, SABERKAS dan lain-lain. UMNO terpaksa campurtangan yang menyebabkan Kerajaan Negeri terpaksa beralah kepada tuntutan tersebut. Walaupun begitu kerajaan negeri telah memberi syarat iaitu pegawai-pegawai Kerajaan tidak boleh menjadi *Council Member* di dalam negeri.<sup>133</sup>

Syarat ini dengan sendiri menghalang Kesatuan Melayu Kedah, SABERKAS, Persatuan Ulama, Persatuan Pemuda Melayu Kedah dan Anjuran Kesatuan Pemuda untuk memerintah negeri ini melalui Majlis Mesyuarat Negeri kerana ramai ahli-ahlinya terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan terutama ahli-ahli SABERKAS, Persatuan Pemuda Melayu Kedah dan Kesatuan Melayu Kedah.

Bagi Kesatuan Melayu Kedah, "Unofficial Members" adalah mustahak diambil

---

<sup>129</sup> *Ibid.*

<sup>130</sup> Surat kepada Datuk Onn Jaafar bertarikh 30.11.1947, *ibid.*

<sup>131</sup> *Ibid.*

<sup>132</sup> UMNO/SG No. 41/1947.

<sup>133</sup> Lihat Lampiran III.

dari pegawai-pegawai Melayu dalam Jawatan Kerajaan. Alasan yang diberi oleh KMK supaya orang ramai terpelihara dari dipengaruhi oleh lain-lain puak yang tidak suka kepada Raja-raja. Sekira di negeri ini tidak mahu meluluskan, mengapa pula Kerajaan Johor dan juga lain-lain negeri meluluskan peruntukan tersebut.<sup>134</sup>

Kesatuan Melayu Kedah juga telah mengesyurkan supaya jawatan *Syaikhul Islam* atau yang bermakna Ketua Pejabat Agama Negeri dimasukkan di dalam "Ex-Officio". Desakan ini memandangkan negeri ini adalah Negeri Melayu yang berasaskan agama Islam. Oleh yang demikian amatlah mustahak Syaikhul Islam sebagai ahli di dalam *Executive Council*.<sup>135</sup> Jawatankuasa KMK menegaskan;

"... Walaubagaimana hendak jadi sekalipun akan negeri ini kelak tetap berpendirian dengan agama Islam juga".<sup>136</sup>

Tuntutan yang dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan politik di Negeri Kedah ini mendapat perhatian UMNO, yang telah menghantar surat kepada DYMM Sultan meminta supaya dalam menggubalkan Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah mestilah meluluskan peruntukan yang membolehkan pegawai-pegawai Melayu menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kedah.<sup>137</sup>

Suasana politik di Negeri Kedah terus bergolak kerana tindakan Haji Mohammad Shariff yang cuba menyekat pegawai-pegawai Kerajaan dari bergiat dalam politik. Dahulunya ia berjaya menyekat pegawai-pegawai Kerajaan dari menjadi ahli dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Untuk lebih berkesan tindakan ini, pihak pemerintah Kedah telah mengeluarkan *Surat Sumpah Pegawai-Pegawai Kerajaan*, yang digubal oleh beberapa orang ulama supaya ianya mempunyai unsur-unsur agama Islam di dalamnya.

Bantahan awal datangnya dari Persatuan Ulama Kedah yang merupakan "Dewan Ulama" kepada Kesatuan Melayu Kedah.<sup>138</sup> Kemudian diikuti pula oleh SABERKAS. Tujuan bantahan ini kerana kebanyakan anggota-anggota SABERKAS, Kesatuan Melayu Kedah, Persatuan Pemuda Melayu Kedah dan Anjuran Kesatuan Pemuda adalah terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan. Jadi sekiranya *Sumpah* tersebut dikuatkuasakan, maka pertubuhan-pertubuhan politik di Negeri Kedah akan terkubur, kalau hidup pun, tidak berdaya untuk menggunakan jenteranya bagi menghadapi arena politik di tanahair.

---

<sup>134</sup>UMNO/SG No. 147/1947.

<sup>135</sup>*Ibid.*, lihat juga UMNO/SG No. 1/1947.

<sup>136</sup>*Op. cit.*

<sup>137</sup>*Ibid.*

<sup>138</sup>Fail S/U Kerajaan Negeri 324/67.

Surat Sumpah ini berkehendakkan setiap pegawai kerajaan mentaati Sultan.<sup>139</sup> Tiap-tiap pegawai itu tidak boleh menyeleweng dari peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Dengan perkataan lain, Kerajaan Negeri Kedah cuba menguatkuasakan peraturan mencegah pegawai-pegawai Kerajaan dari aktif dalam politik.<sup>140</sup> Malah sekiranya boleh pihak pemerintah cuba menyekat kegiatan pertubuhan-pertubuhan politik di Negeri Kedah. Haji Mohammad Shariff sebelum bertolak ke Mekah dalam satu ucapannya menegaskan:

“Adalah mustahak orang ramai memahami baik-baik bahawa kemajuan dalam lapangan politik tidak berapa berharga. . . .”<sup>141</sup>

Oleh yang demikian, tidak keterlaluan kalau dikatakan sepanjang beliau berkhidmat sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri dan kemudiannya sebagai Menteri Besar, beliau sentiasa sahaja mencari jalan menyekat pergerakan politik. Salah satu darinya ialah mengemukakan *Surat Sumpah* tadi.

Penentangan dari Persatuan Ulama Kedah telah menimbulkan keraguan di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan untuk mengangkat sumpah tersebut. Jadi untuk menghalang daripada kekecuaan tersebut, Kerajaan telah menghantar surat siaran ke Pejabat-pejabat Daerah seluruh Negeri Kedah supaya memberi arahan kepada penghulu-penghulu mengadakan penerangan dan penjelasan kepada orang ramai.<sup>142</sup> Pihak Kerajaan juga memberi alasan mengapa sumpah tersebut mesti dikuatkuasakan;

“ . . . sebab yang disuruh pegawai-pegawai mengambil sumpah ini semata-mata kerana hendak memelihara mereka itu daripada tersimpan pada jalan yang salah dan kerana hendak memelihara rakyat-rakyat daripada terkena aniaya atau zalim.”<sup>143</sup>

Puncak pemuluan terhadap sumpah itu berlaku dalam tahun 1950 apabila ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri enggan mengangkat sumpah. Ini merupakan suatu bantahan terbuka kepada Kerajaan. Akibat dari ini Kerajaan menimbang kembali arahan tersebut. Oleh yang demikian pada tahun 1951, perintah *Surat Sumpah Pegawai-Pegawai Kerajaan* itu dibatalkan.<sup>144</sup>

Persoalan penting yang menimbulkan penentangan terhadap *Surat Sumpah* itu dapat dilihat dari dua aspek. Pertama yang berkait dengan Ugama Islam, dan kedua

---

<sup>139</sup> *Ibid.*, lihat juga Lampiran V.

<sup>140</sup> Lihat hal. 51.

<sup>141</sup> *WARTA NEGARA*, 28.8.1949.

<sup>142</sup> Fail S/U Kerajaan Negeri 324/67.

<sup>143</sup> Surat Bil (12) dlm, S/U Kerajaan Negeri 324/67.

<sup>144</sup> Senu Abdul Rahman – Temubual pada 4.1.1979.



yang ada hubungannya dengan pergerakan politik di negeri ini, khususnya oleh pegawai-pegawai kerajaan.

Berhubung dengan soal U gama Islam, jelas sekali surat sumpah ini berlawanan dengan U gama Islam, kerana menurut Abdullah Abbas Nasution bahawa Islam bukan suatu ugama yang meminta *laknat* seperti yang terkandung dalam surat sumpah itu, sebaliknya Islam menyeru kepada kebajikan.<sup>145</sup> Kandungan dimaksudkan itu adalah seperti berikut;

“Maka jika dusta aku pada sumpah aku ini nescaya *bala* Allah dan *laknatnya* dan murkanya turun dan timpa dan kena di atas ubun-ubun batu kepala aku . . .”<sup>146</sup>

Soal ugama ini pula mempunyai kaitan dengan politik, iaitu U gama Islam digunakan demi mencapai sesuatu tujuan dan kepentingan seseorang. Sebelum ini sudah diketahui bahawa berlaku perselisihan antara parti-parti politik dengan Haji Mohammad Shariff dalam beberapa hal yang berkait dengan politik, terutama mengenai Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah. Oleh yang demikian, tidak hairan sekiranya beliau mengambil kesempatan dari surat sumpah tersebut bagi membendungkan kegiatan politik di Negeri Kedah.<sup>147</sup>

“ . . . aku telah mengaku bahawa tiada sekali-kali hendak membuat apa-apa pekerjaan yang bersalahan dengan kehendak jawatan yang aku telah junjungkan”.<sup>148</sup>

Dengan ini bermakna, semua pegawai-pegawai Kerajaan yang waktu itu banyak melibatkan diri dalam KMK, SABERKAS, PPMK, AKP, dan PUK tidak lagi dapat meneruskan pergerakan mereka. Ini adalah disebabkan oleh penegasan yang dibuat dalam surat sumpah itu secara langsung menyekat kegiatan politik mereka. Apa lagi di waktu itu kebanyakan pergerakan politik yang berlaku di Negeri Kedah adalah bersifat “menentang” kerajaan.<sup>149</sup>

Oleh yang demikian, semua pertubuhan politik di Negeri Kedah telah bersatu menentang Surat Sumpah tersebut kerana menurut Senu Abdul Rahman, selagi

<sup>145</sup> Abdullah Abbas Nasution — Temubual pada 2.12.1978.

<sup>146</sup> Senu Abdul Rahman — Temubual pada 4.1.1979.

<sup>147</sup> Senu Abdul Rahman — Temubual pada 4.1.1979.

<sup>148</sup> Fail S/U Kerajaan Negeri 324/67.

<sup>149</sup> Menentang Kerajaan di sini bukanlah dimaksudkan tidak taat setia kepada Sultan. Sebaliknya menentang polisi-polisi yang diperkenalkan oleh British di Negeri Kedah. Contohnya penentangan rakyat Kedah terhadap Malayan Union, Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah, perlantikan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Kemudian berlaku lagi penentangan terhadap Penyata Pilihanraya Undangan Persekutuan, Penyata Pilihanraya Majlis Mesyuarat Negeri Kedah. Semuanya ini menyebabkan Kerajaan Negeri yang didalangi oleh British telah berusaha menyekat pergerakan yang bersifat politik, terutama yang boleh menggugatkan mereka, atau yang boleh mencabar status-quo setengah pemimpin dan pentadbiran Negeri Kedah.

Surat Sumpah itu tidak dibatalkan, selama itulah pergerakan politik di Negeri Kedah tidak memberi makna kepada rakyat.

Menjelang tahun 1949, pergerakan politik di Negeri Kedah telah berubah apabila keputusan Mesyuarat UMNO di Kota Bahru pada 12.5.1947 dikuatkuasakan. Kesatuan Melayu Kedah kini telah dimansuhkan dan terus diserap ke dalam UMNO Negeri Kedah.

Sebelum itu satu perkara yang lebih menarik dalam pergerakan politik di Kedah adalah yang berkait dengan KMK, PPMK dan Anjuran Kesatuan Pemuda. Sebenarnya ketiga-tiga pertubuhan ini adalah berasingan dan mempunyai pemimpin yang berlainan. Sungguhpun begitu pertubuhan ini sentiasa bekerjasama, malah bagi PPMK dan AKP, Kesatuan Melayu Kedah itu adalah seperti bapa kepada mereka.<sup>150</sup>

Setelah AKP menjadi cawangan kepada PPMK dan barisan pemudanya yang dibentuk oleh Syed Ahmad Shahabuddin terus diserapkan menjadi Barisan Pemuda PPMK dan diketuai oleh beliau sendiri. Dalam menjalankan aktiviti politik PPMK menganggap pertubuhan itu adalah sebahagian daripada Kesatuan Melayu Kedah,<sup>151</sup> sesudah KMK dimansuh dan diserapkan ke dalam UMNO, PPMK yang menganggap dirinya sebahagian dari Barisan Pemuda KMK itu, terus sahaja menjadi Pemuda UMNO Kedah. Di sini sekali lagi Syed Ahmad Shahabuddin diberi kepercayaan sebagai Setiausaha Pemuda UMNO Kedah. Pucuk pimpinan UMNO pula telah berpindah dari Haji Husain Che Dol kepada Syed Omar Shahabuddin.<sup>152</sup>

Kedudukan politik di Kedah bermula tahun 1949 adalah berbeda sekiranya dibandingkan di setengah-setengah negeri lain, kerana di negeri ini SABERKAS terus bertindak atau menganggap dirinya sebagai *ahli bersekutu*, bukan ahli daftar terus seperti yang terjadi kepada Kesatuan Melayu Kedah. Peranan SABERKAS dalam politik di Negeri Kedah semakin sedikit, tetapi ia lebih berperanan dalam UMNO Pusat, terutama perannya dalam setiap kali Persidangan Agung UMNO.

"SABERKAS terus menjadi seperti 'Pressure group' dalam UMNO, baik UMNO pusat mahupun UMNO Negeri Kedah. Ini dapat dilakukan kerana ia tidak dimansuhkan dan didaftar terus. Sebagai ahli bersekutu SABERKAS lebih bebas bersuara."<sup>153</sup>

Suasana Politik selepas Darurat diistiharkan telah menunjukkan peranan SABERKAS di dalam UMNO, khasnya dalam setiap persidangan UMNO. Untuk

---

<sup>150</sup> Syed Ahmad Shahabuddin – Temubual 9.1.1979.

<sup>151</sup> *Ibid.*

<sup>152</sup> *Ibid.*

<sup>153</sup> Azahari Taib, Temubual pada 4.12.1978. Antara tokoh SABERKAS yang memainkan peranan penting ketika itu ialah Senu Abdul Rahman, Mohd. Khir Johari dan Azahari Taib.

menghadapi Darurat kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum (Communities Liaison Committee) pada tahun 1949 untuk mendapat kerjasama dan hubungan antara kaum yang lebih baik.<sup>154</sup> Tetapi apa yang berlaku, jawatankuasa ini bertindak lebih dari hak kuasa yang ada padanya dengan menerbitkan manifesto yang menegaskan penyelesaian krisis kaum ini dapat dilaksanakan sekiranya disemak semula soal-soal kerakyatan, dasar pelajaran, lagu kebangsaan dan bendera.<sup>155</sup>

Yang peleknya cadangan tersebut diterima oleh Datuk Onn selaku Presiden UMNO dengan sokongan yang kuat dari orang-orang bukan Melayu,<sup>156</sup> Langkah ini telah dikecam oleh orang-orang Melayu, termasuk The Malay Graduate Association yang menuduh beliau sebagai pembelot dan pengkhianat.<sup>157</sup>

Suasana yang lebih hangat lagi berlaku dalam Persidangan UMNO di Kuala Lumpur pada 10–11 Jun 1950, apabila Datuk Onn meminta persidangan menerima cadangan dari Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum, iaitu dengan membuka pintu UMNO kepada orang-orang bukan Melayu. Cadangan Datuk Onn itu tidak mendapat sokongan, malah ahli-ahli UMNO, terutama SABERKAS telah menyelar sikap Datuk Onn yang terlalu bertolak ansur itu. Perwakilan SABERKAS juga menyelar soal kerakyatan yang disetujui oleh Datuk Onn itu, kerana bagi mereka menerima cadangan tersebut bermakna mengorek kubur untuk diri sendiri.<sup>158</sup>

Penentangan kuat dari ahli-ahli UMNO menyebabkan Datuk Onn mengancam untuk meletak jawatan dari menjadi Yang Dipertua UMNO, kerana bagi beliau soal mengadakan undang-undang kerakyatan itu adalah soal dasar UMNO, dan sekiranya

---

<sup>154</sup> *UMNO 10 TAHUN 1946–1956*, hal. 58.

<sup>155</sup> *Ibid.*, hal. 58.

<sup>156</sup> *Ibid.*, hal. 56.

<sup>157</sup> *Ibid.*, hal. 63.

<sup>158</sup> Azahari Taib — Temubual 1.14.1978. Bagi Ishak Tadin, orang-orang Melayu tidak dapat menerima cadangan itu disebabkan;

- a. The change of the name of the organisation itself would necessitate the change in its constitution, which would in turn cause the disappearance of the Malay characteristics of the UMNO.
- b. UMNO, which had been the only influential Malay political body that had successfully looked after the interest and privileges of the Malays, in the form that Dato Onn proposed it to be, would be unable to play its vital role of battering the political and economic conditions of the Malays.
- c. If the UMNO were opened to the non-Malays as ordinary members with equal rights, these non-Malays would be eligible to hold offices and become members of the Central and Divisional Committees. When such a situation arose, it would be impossible for the Malays to discuss problems which would peculiarly affect the security of the Malays as a race.

Ishak Tadin, "Datuk Onn and Malay Nationalism," *JSEAH*, Vol. 1, Mach, 1960, hal. 85.

beliau gagal, bermakna partinya tidak menerima dasar tersebut. Dengan ini tidak ada jalan lain baginya melainkan meletakkan jawatan.<sup>159</sup>

Oleh kerana orang-orang Melayu memikir masa itu tidak kedapatan seorang pemimpinpun yang boleh menggantikan Datuk Onn, maka banyak pertubuhan-pertubuhan telah menghantar taligeram supaya beliau terus memegang jawatan itu. Persatuan Ulama Kedah tidak ketinggalan, disamping menghantar taligeram supaya beliau terus memegang jawatan itu. Persatuan Ulama Kedah tidak ketinggalan, disamping menghantar taligeram memujuk Datuk Onn, telah juga menghantar perwakilan menemui Datuk Onn di Johor Baharu.

Rayuan dan pujukan itu akhirnya mengendurkan perasaan datuk Onn. Beliau kembali memegang jawatan Yang Dipertua UMNO dan sekali lagi dalam persidangan di Kuala Kangsar pada 27–28 Ogos 1950 soal membuka pintu UMNO kepada orang-orang bukan Melayu ditimbulkan. SABERKAS telah menentang dan cuba menyekat UMNO dari menjalankan keputusan tersebut. Persidangan di Kuala Kangsar ini merenggangkan lagi antara pemimpin-pemimpin SABERKAS dengan Datuk Onn. Oleh yang demikian, SABERKAS tidak duduk diam, mereka menemui Tengku Abdul Rahman dan berbincang soal mengambil alih jawatan Yang Dipertua UMNO itu.<sup>160</sup>

“SABERKAS telah menjalankan kempen di merata tempat samada di Negeri Kedah atau di seluruh negara supaya menerima Tengku Abdul Rahman memimpin UMNO”.<sup>161</sup>

Akibat dari ini, maka berlakulah peralihan mengejut dalam pucuk pimpinan UMNO dalam persidangan pada 25–26 Ogos 1951 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Tetapi malang bagi SABERKAS kerana tidak dapat masuk dalam persidangan tersebut, kerana Datuk Onn tidak mengakui SABERKAS sebagai ahli UMNO.<sup>162</sup> Walaubagaimanapun, cita-cita SABERKAS tetap berjaya. Tengku Abdul Rahman telah memenangi pertandingan sebagai Yang Dipertua UMNO yang turut sama oleh dua orang calon lain, iaitu C.M. Yusuf dan Haji Ahmad Fuad.<sup>163</sup> Tengku mendapat 50 suara, manakala calon-calon lain memperolehi sebelas dan tujuh suara bagi tiap-tiap seorang.<sup>164</sup>

Peralihan pucuk pimpinan dalam UMNO menyebabkan berlaku perpecahan

---

<sup>159</sup>UMNO 10 TAHUN 1946 – 1956, hal. 65.

<sup>160</sup>Azahari Taib – Temubual 4.12.1978, hal. 2.

<sup>161</sup>Senu Abdul Rahman – Temubual pada 4.1.1979. Pendapat ini disokong pula oleh Azahari Taib, ketika penulis bertemubual dengannya.

<sup>162</sup>Azahari Taib—Temubual pada 6.12.1978. Lihat juga Fail Registration of Societies (Federation of Malaya) No. 1152/49.

<sup>163</sup>UMNO 10 TAHUN 1946–1956, hal. 70.

<sup>164</sup>Harry Miller, *op. cit.*, hal. 135.

dalam UMNO di Negeri Kedah, lebih-lebih lagi apabila Datuk Onn menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya atau Independent of Malaya Party (I.M.P.) pada 16 September, 1951.<sup>165</sup> Kebanyakan dari bekas ahli-ahli Kesatuan Melayu Kedah, seperti Haji Salim bin Haji Mohd. Rejab, Haji Rejab bin Haji Darus, Haji Laidin bin Haji Abdul Manan dan Putera Napa telah menyokong Datuk Onn. Manakala satu peristiwa lagi yang penting juga dalam arena politik di Kedah ialah yang berkaitan dengan SABERKAS. Selepas UMNO menjalankan peraturan *Berdaftar Terus*, SABERKAS yang tidak bersetuju itu telah menjadi ahli bersekutu PAN MALAYAN LABOUR PARTI.<sup>166</sup> Tetapi setelah Tengku mengambil alih pucuk pimpinan UMNO, SABERKAS telah keluar dari parti tersebut dan terus memberi sokongan kepada UMNO.

Tindakan SABERKAS ini adalah bertujuan untuk menentang pengaruh I.M.P., kerana SABERKAS menganggap sekiranya ia masih tidak memasuki UMNO, maka akan berlaku perpecahan yang lebih luas antara orang-orang Melayu, terutama di Negeri Kedah.

Berhubung dengan perpecahan yang berlaku di Negeri Kedah itu, lebih ketaran terlihat apabila Datuk Onn menubuhkan Parti Negara. Haji Rejab Haji Darus dan beberapa orang tokoh lain telah menubuhkan Parti tersebut di Negeri Kedah. Pada tahun 1959 mereka telah memasuki pilihanraya di Negeri Kedah. Antaranya ialah Haji Rejab Darus di kawasan Kota Setar, Haji Salim bin Haji Rejab di pekan Alor Setar, Haji Laidin Haji Abdul Manan bertanding di Kedah Utara dan Puteh Napa bertanding di Kedah Tengah.<sup>167</sup>

Walaupun mereka tidak mencapai kemenangan, tetapi yang lebih jelas kepada kita ialah perpecahan fahaman politik di negeri ini. Sungguhpun begitu, dari satu aspek lain, kelihatan tentang kematangan fikiran dan kebebasan pendirian tokoh-tokoh politik di negeri ini.

## Kesimpulan

Dalam pergolakan badan-badan politik di negeri Kedah hingga tahun 1955 ini, tumpuannya bukan sahaja dalam aspek politik, sebaliknya dalam bidang ekonomi dan sosial juga tidak ketinggalan, SABERKAS umpamanya banyak memberi sumbangan dalam bidang ekonomi, terutama dalam bidang perniagaan.

“Cawangan SABERKAS Padang Perahu, Jitra telah menjalankan berbagai perniagaan, termasuk mengimpot beras dari Siam dan dijual di sekitar Padang Perahu, terutama kepada ahli-ahlinya. Kedai barang-barang runcit

---

<sup>165</sup> STRAITS TIMES, 17.9.1951.

<sup>166</sup> Azahari Taib — Temubual pada 4.12.1978

<sup>167</sup> T.E. Smith, *Report On The First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya*, Government Press, Kuala Lumpur, 1955, hal. 74–75.

di sini adalah satu yang termaju bagi cawangan SABERKAS".<sup>168</sup>

Kesatuan Melayu Kedah juga tidak ketinggalan memperjuangkan ekonomi bangsa Melayu. Beliau bertindak kuat untuk mendapatkan pendaftaran *SOHABAT KITA*, sebuah syarikat pengangkutan bas yang hendak ditubuhkan oleh seorang peniaga Melayu.<sup>169</sup> KMK menjadi badan politik yang kuat mendesak UMNO dan pihak Kerajaan supaya membenarkan pendaftaran syarikat tersebut.<sup>170</sup>

Manakala dalam bidang sosial, SABERKAS DAN KMK lebih banyak menumpukan perhatian bagi meninggikan pelajaran orang-orang Melayu, misalnya kedua-dua pertubuhan itu telah banyak menubuhkan sekolah-sekolah persendirian. Dalam hal ini bagi KMK mereka lebih banyak menumpukan perhatian kepada penubuhan Sekolah-Sekolah Arab dan agama. Manakala SABERKAS telah menubuhkan beberapa buah sekolah seperti Sekolah Inggeris SABERKAS, Kelas Bimbingan, Kelas Dewasa dan Kelas TADIKA.<sup>171</sup>

Selain daripada itu, PPMK, AKP dan PUK tidak ketinggalan menyertai bersama KMK dan SABERKAS dalam semua kegiatan. Manakala AKP walaupun bergiat dalam politik, mereka juga tidak ketinggalan bergiat dalam bidang sosial, terutama dari segi meninggikan sukan dan kebudayaan.

Apa yang jelas dalam pergerakan politik di peringkat ini, ialah persefahaman antara badan-badan politik di Negeri Kedah. Hasil dari persefahaman inilah menjadikan pergerakan politik di negeri ini mencapai banyak kejayaan dan memantangkan lagi pemimpinnya dalam arena politik.

---

<sup>168</sup> Haji Hamid bin Abdullah, temuramah pada 5.12.1978 di rumahnya di Jitra Kedah.

<sup>169</sup> UMNO/SG No. 91/1946.

<sup>170</sup> Lihat surat-surat KMK yang dihantar kepada UMNO dan Pendaftar Kenderaan serta Resident Commissioner's Office di Alor Setar. *Ibid.*

<sup>171</sup> Senu Abdul Rahman — Temubual pada 4.1.1979.